



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI



INSTITUT
KOPERASI
MALAYSIA

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

LAPORAN TAHUNAN 2022

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

The cover features a large orange arrow pointing downwards in the top-left corner. The background is white with a pattern of light grey hexagons, some of which are shaded to create a 3D effect. A dark blue triangle is located in the bottom-left corner. The title 'LAPORAN TAHUNAN 2022' is centered, with 'LAPORAN' and 'TAHUNAN' in dark blue and '2022' in orange. Below the title, 'INSTITUT KOPERASI MALAYSIA' is written in dark blue.

LAPORAN TAHUNAN 2022

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

©Institut Koperasi Malaysia. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain-lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Institut Koperasi Malaysia
103 Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel: 03-7964 9000
Faks: 03-7957 0434
Emel: ikma@ikma.edu.my

ISI KANDUNGAN

- 5 PERUTUSAN**
- 11 PROFIL KORPORAT**
- 21 TENTANG KAMI**
- 31 LAPORAN SUMBER MANUSIA
DAN INFRASTRUKTUR**
- 41 LAPORAN PEMBANGUNAN
MODAL INSAN**
- 55 SAMBUTAN 100 TAHUN KOPERASI**
- 69 LAPORAN ANAK SYARIKAT**
- 73 LENSEA IKMa**
- 77 PENYATA KEWANGAN**
- 123 PROSPEK MASA DEPAN**



PERUTUSAN



PERUTUSAN MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Tahniah kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) kerana telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2022. Syabas di atas kejayaan IKMa dalam melaksanakan fungsi serta peranannya sebagai Pusat Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Gerakan Koperasi di Malaysia. Pada 28 Mac 2022, IKMa telah melakar sejarah apabila Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) telah berjaya mendapat kelulusan penubuhan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). UKKM juga telah mendapat kelulusan pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan akan menawarkan lima (5) program pengajian berikut:

- i) Diploma Keusahawanan Koperasi;
- ii) Diploma Pengurusan Koperasi;
- iii) Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi) (Kepujian);
- iv) Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Keusahawanan Koperasi) (Kepujian); dan
- v) Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi).

Tahap program yang ditawarkan meliputi dua (2) program Diploma, dua (2) program Ijazah Sarjana Muda dan satu (1) program Ijazah Sarjana. Saya percaya, peranan IKMa dalam membangun modal insan dan kompetensi anggota koperasi akan terus dapat dipertingkatkan melalui Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia ini.

Bagi merealisasikan IKMa sebagai Pusat Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Koperasi yang unggul, IKMa harus meneruskan misinya untuk memangkin transformasi koperasi Malaysia melalui pendidikan dan latihan serta intervensi yang inovatif.

Bagi merealisasikan IKMa sebagai Pusat Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Koperasi yang unggul, IKMa harus meneruskan misinya untuk memangkin transformasi koperasi Malaysia melalui pendidikan dan latihan serta intervensi yang inovatif. Ke arah itu, Pelan Strategik IKMa 2023-2025 telah dihasilkan dengan menggariskan tujuh (7) teras strategik, 11 program, 15 petunjuk prestasi dan 35 pendekatan pelaksanaan. Usaha ini dilaksanakan bagi memperkasa peranan dan sumbangan IKMa dalam memastikan koperasi terus kekal relevan dan menyumbang kepada pendapatan ekonomi dan kesejahteraan rakyat selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030), dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM). IKMa perlu menghayati realiti dan aspirasi nasional untuk

terus inovatif dan kreatif bagi merealisasikan impian ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan Unggul menjelang tahun 2030.

Saya berharap IKMa akan terus cemerlang dalam menyalurkan ilmu dan mendorong koperasi meningkatkan kemahiran, kepakaran dan profesionalisme modal insan melalui program-program pembangunan kapasiti yang bersesuaian dengan keperluan masa kini dan juga akan datang. Akhir kata, semoga terbitan Laporan Tahunan IKMa 2022 ini menjadi sumber rujukan dan bermanfaat kepada masyarakat dan khususnya koperasi.

Sekian, terima kasih.



YB DATUK EWON BENEDICK

Menteri

Pembangunan Usahawan dan Koperasi

PERUTUSAN KETUA PENGARAH INSTITUT KOPERASI MALAYSIA



Alhamdulillah sekali lagi Institut Koperasi Malaysia telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan IKMa bagi tahun 2022. Laporan ini bertujuan memberi maklumat informatif berkaitan program dan aktiviti yang dijalankan oleh IKMa dalam menjadikan koperasi lebih berdaya saing seiring dengan sektor lain.

Kita sedia maklum pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah memperkenalkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 atau DKN 2030 yang mana ianya merupakan dokumen strategik yang direka untuk mengukuhkan ekosistem keusahawanan dan koperasi di Malaysia. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan dan kualiti Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dan koperasi, serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan. Ia merupakan strategi jangka panjang negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah “Negara Keusahawanan (entrepreneurial nation) unggul menjelang 2030”. Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara bersatu, makmur dan terus membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Untuk memperkuat gerakan koperasi, KUSKOP akan melaksanakan beberapa inisiatif strategik seiring dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

IKMa sebagai badan penggerak menerajui latihan kepada anggota koperasi di Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan mengatur pelbagai program dalam dan luar negara secara sistematik

IKMa sebagai badan penggerak menerajui latihan kepada anggota koperasi di Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan mengatur pelbagai program dalam dan luar negara secara sistematik bermula awal tahun. Kita telah melaksanakan Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) yang melibatkan seramai 3,043 peserta dari seluruh negara. Alhamdulillah, sepanjang 2022 IKMa telah berjaya melaksanakan 844 program pembangunan modal insan melibatkan 35,042 peserta, 354 bimbingan koperasi bersasar, 15 buah penerbitan berkaitan koperasi serta lima penyelidikan koperasi.

Hasil daripada kajian penilaian peserta 2022, seramai 22,413 peserta telah menunjukkan peningkatan keseluruhan dan kefahaman dalam sektor koperasi. Selain itu juga, seramai

6,986 peserta telah menunjukkan peningkatan tahap kompetensi dan profesionalisme dalam pengurusan koperasi. Ini menunjukkan usaha yang dilakukan oleh IKMa telah berjaya menambah baik dan meningkatkan kualiti pengurusan koperasi supaya lebih berkesan dan cekap dalam mencapai matlamat dan memenuhi keperluan anggota koperasi.

Jutaan terima kasih atas sokongan dan pandangan daripada semua pihak dalam menghasilkan penerbitan laporan tahunan ini. IKMa akan terus komited dalam membangunkan modal insan koperasi seiring dengan hasrat yang digariskan dalam Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030).

Terima kasih.



DATUK MOHD ALI BIN MANSOR

Ketua Pengarah
Institut Koperasi Malaysia



The cover features a dark blue background with large, diagonal stripes in gold and white. In the bottom-left corner, there is a white area with a faint, light gray hexagonal grid pattern. The title 'PROFIL KORPORAT' is positioned in the upper right quadrant.

PROFIL KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH



**YBhg. Datuk Wira (Dr.)
Rosli bin Mat Hassan
Pengerusi**

Institut Koperasi Malaysia



**YBhg. Dato' Haji Zazali
bin Haron
Pengerusi Eksekutif**

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
merangkap Timbalan Pengerusi
IKMa



**YBhg. Datuk Mohd Ali
bin Mansor
Ketua Pengarah**

Institut Koperasi Malaysia



**YBhg. Datuk Haji Zamri
bin Salleh**

Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan Keusahawanan)
Kementerian Pembangunan
Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)



**YBhg. Dato' Zainal Abidin
bin Mat Nor**

Timbalan Setiausaha Bahagian
Pengurusan Aset Awam
Kementerian Kewangan Malaysia

LEMBAGA PENGARAH



YBhg. Datuk Seri Dr. Hj. Abdul Fattah bin Hj. Abdullah
Presiden
Angkatan Koperasi Kebangsaan
Malaysia Berhad



YBhg. Encik Abdul Razak bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Susulan & Kutipan
Bank Rakyat



YBhg. Dato' Dr. Hj. Yunus bin Rahmat
Ahli Koperasi
Mubarak Negeri Sembilan Berhad



YBhg. Dato' Bastien bin Onn
Pengarah
Asian Trade City Sdn. Bhd.



YBrs. Encik Bobby Balang
Pengusaha & Penasihat Koperasi
Kumalut Kemabong Sdn. Bhd.

LEMBAGA PENGARAH



**YBhg. Datuk Hj. Nasarruddin
bin Dato' M. Zin**
Pengerusi Eksekutif
Aoga Sdn. Bhd.



**YBhg. Dato' Dr. Mohd Zaidi
bin Md Zain @ Zakaria**
Pengerusi Koperasi Usahawan
Melayu Serdang



**YB Dato' Mohd Imran bin
Tamrin**
Ahli Dewan Negeri
Sungai Panjang



**YBrs. Encik Amin bin Mohd
Shukor**
Ahli Lembaga Koperasi Majlis
Belia Malaysia Berhad



YBhg. Datuk Zurihan bin Yusop
Pengerusi
Koperasi Jenjarom Kuala Langat
Berhad

JAWATANKUASA AUDIT



**YBhg. En. Abdul Razak
bin Abu Bakar (P)**



**YBhg. Dato' Dr. Mohd Zaidi
bin Md Zain @ Zakaria (TP)**



**YB Dato' Mohd Imran
bin Tamrin**



**YBhg Encik Ahmad Rashidi
bin Abu Hasim
(Wakil KUSKOP)**

PENGURUSAN TERTINGGI



Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus
Timb. Ketua Pengarah
(Pembangunan Modal Insan)



Datuk Mohd Ali bin Mansor
Ketua Pengarah (JUSA 'C')



Puan Hamidah binti Mohd Jos
Timb. Ketua Pengarah
(Pengurusan)

BAHAGIAN



Puan Najmah binti Nawawi
Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan &
Perundingan Koperasi



Puan Sharina binti Abdullah
Pengarah Kanan
Bahagian Dasar
& Strategi



**Puan Sri Datin Seri
Noraesyah binti Saari**
Pengarah Kanan
Bahagian Keusahawanan
& Perniagaan

PUSAT



**Puan Hj Roziah
binti Mohamed**
Pengarah
Pusat Perundingan Koperasi
(PRK)



Puan Azlifah binti Abas
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
& Komunikasi (ICT)



**Encik Mohamad Rasydi
bin Abd Rashid**
Pengarah
Pusat Kewangan & Akaun
(PKA)



**En. Christopher John
Baptist**
Pengarah
Pusat Pembangunan
Koperasi (PPK)



Dr. Zurita binti Mohd Saleh
Pengarah
Pusat Antarabangsa
& Kolaborasi (CIC)



**Puan Arfizawati binti
Abd Hadi**
Pengarah
Pusat Pendidikan Tinggi
(PPT)



**Pn. Noranita binti
Mohd Nor**
Pengarah
Pusat Pengurusan
Perniagaan (PPP)



**Dr. Mohd Shahron Anuar
bin Said**
Pengarah
Pusat Penyelidikan (CR)



**Encik Ju Samsuddin bin
Safian**
Pengarah
Sektor Keberhasilan (SK)

ZON



**Puan Siti Maimunah
binti Jerni**
Pengarah Zon Sarawak



**Puan Norbiha binti
Kosmuri @ Kasmuri**
Pengarah Zon Sabah



Encik Zulkiflee bin Aspan
Pengarah Zon Tengah



Puan Haslinda binti Sujak
Pengarah Zon Timur



**Puan Hjh. Yusnita
binti Othman**
Pengarah Zon Utara



**Encik Hafizal bin Abu
Bakar**
Pengarah Zon Selatan



**Puan Sharifah Rohaya
binti Wan Idris**
Ketua Cawangan Miri
(Zon Sarawak)



Encik Mohd Pisah bin Ali
Ketua Cawangan Tawau
(Zon Sabah)



Puan Nur Faeza binti Yahya
Ketua Cawangan Ipoh
(Zon Tengah)



**Puan Norsyeirawani
binti Shari**
Ketua Cawangan Kuala
Terengganu
(Zon Timur)

PENGURUSAN



**Puan Nor Azila
binti Md Tauhid**
Pengarah Pentadbiran



Encik Shamsuri bin Salleh
Pengarah Kewangan &
Pembangunan



**Puan Nur Farazilla
binti Mohd Arsad**
Pengarah Unit Komunikasi
Korporat



Puan Rosidah binti Rashid
Penolong Pengarah Kanan
Unit Teknologi Maklumat



**Encik Abdul Razak
bin Osman**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Integriti
(sehingga 6 Julai 2022)



Encik Md. Nasrein bin Islah
Penolong Pengarah
Unit Integriti
(bermula Januari 2023)



**Encik Mohd Zulkifli bin
Sedik**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Kewangan & Perolehan



**Puan Afiza binti Abdul
Karim**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Tadbiran Am

PENGURUSAN



**Puan Wan Nur'Ain
binti Wan Abd Rahim**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pembangunan Modal
Insan



**Encik Khairul Azmi
bin Ismail**
Ketua Unit Audit Dalam



Encik Khairul Akmal bin Saim
Penolong Pengarah Kanan
Unit Perkhidmatan
Perpustakaan



**Puan Nor Azmawati
binti Hj. Mohd Shafii**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pengurusan Sumber
Manusia



**Encik Datu Zahiruddin
bin Datu Tambuyong**
Ketua Unit Fasiliti & Sajjan



**Encik Muhd Nursharul Azri
bin Mubarak**
Ketua Unit Penyenggaraan
& Kejuruteraan



TENTANG KAMI

SEJARAH PENUBUHAN

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang sebelum ini dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi di negara ini.

Ketika ditubuhkan pada tahun 1956, keperluan kewangannya dibiayai oleh Colonial Welfare and Development Fund, manakala kerajaan pula telah memberikan sumbangan yang amat besar bagi menggalakkan pembangunan IKMa keseluruhannya.

Pada tahun 1968, IKMa telah diiktiraf sebagai sebuah badan berkanun melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 yang diluluskan oleh Parlimen pada 11 September 1968. Sesuai dengan peredaran masa, Parlimen telah meluluskan Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968 (Pindaan 2019) [Akta A1589] berkuat kuasa pada 5 Mei 2019 bertujuan untuk memperkemas tadbir urus IKMa supaya dapat merancang dan menjalankan program yang inovatif dan kreatif bagi menyokong pembangunan gerakan koperasi.

IKMa pernah diletakkan di bawah beberapa kementerian antaranya Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Mulai tahun 2009, IKMa telah diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan kini IKMa telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).



PUNCA KUASA IKMa

Akta Institusi Koperasi (Pemerbadanan) 1968 [Akta A1589] telah memperuntukkan IKMa sebagai sebuah institusi yang berfungsi untuk membangun dan mengembangkan latihan dan pendidikan koperasi di negara ini.

KOPERASI
MALAYSIA

FUNGSI





VISI DAN MISI

VISI

Ke arah kecemerlangan modal insan dan keusahawanan koperasi yang unggul.



MISI

Memangkin transformasi koperasi Malaysia melalui pendidikan & latihan serta intervensi yang inovatif.

INSTITUT
KOPERASI
MALAYSIA

PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji untuk merancang dan melaksanakan program latihan dan pendidikan yang menepati keperluan pelanggan dengan:

01

Mengedarkan Buku Program dan Kalendar Kursus kepada pelanggan sebelum 31 Januari pada setiap tahun;

02

Mengeluarkan surat tawaran kursus dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh kursus.

03

Melaksanakan minimum 90 peratus daripada kursus yang dirancang setiap tahun;

04

Menghasilkan minimum sepuluh (10) keluaran penerbitan setahun;

05

Melaksanakan minimum lima puluh (50) khidmat konsultasi koperasi setahun;

06

Memastikan prasarana dan peralatan latihan berkeadaan baik untuk digunakan sehari sebelum kursus bermula;

07

Memastikan perkhidmatan perpustakaan dan fasiliti mendapat skor purata penilaian tidak kurang 4 dalam skala 1 hingga 5;

08

Memastikan penilaian penyampaian kursus mendapat skor purata penilaian tidak kurang daripada 4 dalam skala 1 hingga 5;

09

Memastikan penilaian kursus mendapat skor purata penilaian tidak kurang daripada 4 dalam skala 1 hingga 5; dan

10

Memberikan maklum balas terhadap setiap aduan dan pertanyaan dalam tempoh tidak lewat daripada satu (1) hari bekerja.

LOKASI IKMa



- | | | | |
|---|--|---|--|
| 1 PETALING JAYA, SELANGOR
<small>(mula 1956)</small> | 2 KOTA KINABALU, SABAH
<small>(mula 1997)</small> | 3 KUCHING, SARAWAK
<small>(mula 1998)</small> | 4 KUANTAN, PAHANG
<small>(mula 2009)</small> |
| 5 JOHOR BAHRU, JOHOR
<small>(mula 2009)</small> | 6 ALOR SETAR, KEDAH
<small>(mula 2010)</small> | 7 IPOH, PERAK
<small>(mula 1 Mac 2022)</small> | 8 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
<small>(mula 1 April 2022)</small> |

Institut Koperasi Malaysia Kampus Induk / Zon Tengah

103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-79649000
Faks : 03-79570464, 03-79543957, 03-79579076
E-mel : tengah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah (Cawangan Ipoh)

54, 54-A1 & A2, Kompleks Perdagangan DWJ@Meru,
Jalan Meru Bistari D1, Bandar Meru Raya,
32100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel : 05-5299486
Faks : 05-5269554
E-mel : cawperak@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Tingkat 5, Menara MAA Lorong 6,
Api-Api 1, 88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-240812
Faks : 088-241802
E-mel : sabah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

P.O BOX 00241, Tingkat 9, Aeon Tower,
1COM Square, Jalan Pending,
93450 Kuching, Sarawak
Tel : 082-552408, 082-331407, 082-552405
Faks : 082-364906
E-mel : sarawak@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

No. 1515, Wisma KGMKB, Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar, Kedah Darul Aman
Tel : 04-7337527
Faks : 04-7337532
E-mel : utara@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Kompleks Inkubator Indera Mahkota 14,
Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-5732449
Faks : 09-5732450
E-mel : timur@ikma.edu.my


Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu)

Tingkat 3A, Wisma KOKITAB Kuala Nerus,
Jalan Semarak, 21200 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman
Tel : 09-6671140, 09-6671383, 09-6671239
Faks : 09-6671647
E-mel : cawterengganu@ikma.edu.my


Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan,

No. 3, Jalan Padi Emas 1/8, Bandar Baru UDA,
81200 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Tel : 07-2075559
Faks : 07-2342021
E-mel : selatan@ikma.edu.my

STRUKTUR ORGANISASI IKMa



UKKM





The cover features a dark blue background with large, diagonal, overlapping shapes in gold and white. In the bottom-left corner, there is a white area with a faint, light gray hexagonal grid pattern.

LAPORAN SUMBER MANUSIA DAN INFRASTRUKTUR

LAPORAN PERJAWATAN

1. JAWATAN TETAP

a) Pecahan Perjawatan

Perjawatan IKMa yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga akhir tahun 2022 adalah sebanyak 205 jawatan dengan pecahan seperti berikut:




b) Pengisian Jawatan

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN (DILULUSKAN)	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pengurusan Tertinggi (JUSA C)	1	1	0
Pengurusan & Profesional	95	91	4
Pelaksana I dan II	109	94	15
JUMLAH	205	186	19

Sehingga 31 Disember 2022 sebanyak 186 jawatan telah diisi iaitu 134 jawatan di Ibu Pejabat, 15 jawatan di IKMa Zon Sabah, 14 jawatan di IKMa Zon Sarawak, 5 jawatan di IKMa Zon Selatan, 4 jawatan di IKMa Zon Utara, 8 jawatan di IKMa Zon Timur (termasuk Cawangan Kuala Terengganu), dan 6 jawatan di IKMa Zon Tengah (termasuk Cawangan Ipoh). Pecahan Pengisian jawatan adalah seperti berikut:


JAWATAN TETAP



- Kumpulan Pengurusan & Profesional
- Kumpulan Pelaksana
- Kekosongan
- Kumpulan Pengurusan Tertinggi (JUSA C)

2. JAWATAN KONTRAK

Bilangan keseluruhan perjawatan dan pengisian *contract of service / contract for service* sehingga Disember 2022 adalah seperti berikut:



LATIHAN KAKITANGAN IKMa 2022

1. Latihan Kakitangan Dalam Negara

Dalam peningkatan pengurusan kompetensi warga kerja, IKMa telah menganjurkan pelbagai latihan yang melibatkan dalam dan luar negara khas kepada warga kerja IKMa. Pada tahun 2022, sebanyak 70 kursus dan 16 ceramah pelbagai bidang jangka pendek telah dihadiri oleh kakitangan IKMa. Antaranya termasuk kursus dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, teknologi maklumat, kewangan, penyelidikan, penulisan, kepimpinan, pengurusan sumber manusia, perakaunan, pengauditan, dan lain-lain lagi.

Pihak IKMa komited dalam memberikan maklumat dan pengetahuan berkenaan isu semasa kepada warga kerja dengan merancang pelbagai ceramah bulanan serta taklimat kepada warga kerja IKMa. Sebanyak 16 ceramah serta taklimat disampaikan kepada warga kerja meliputi kewangan, kesihatan, kerohanian, perkongsian pengalaman, keselamatan dan sebagainya.

Pihak IKMa turut memberi peluang kepada warga kerja IKMa dalam menimba ilmu melalui pembiayaan pengajian jangka panjang secara sepenuh masa dan separuh masa. Bagi sepanjang tahun 2022, satu (1) orang Pegawai Latihan telah mengikuti Program Sarjana secara separuh masa, satu (1) orang kakitangan kumpulan pelaksana mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda secara separuh masa dan satu (1) kakitangan daripada kumpulan pelaksana yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa telah ditaja oleh IKMa. Terdapat dua (2) orang Pegawai Latihan yang melanjutkan pelajaran di peringkat kedoktoran dan tiga (3) orang Pegawai Latihan yang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di bawah Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Latihan yang sistematik dan menepati keperluan tugas tersebut dapat menyediakan warga kerja yang berkecualan, berkebolehan, kompeten serta produktif, di samping dapat melengkapkan mereka dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian. Latihan juga dapat mewujudkan nilai cipta (*value creation*) dan nilai tambah (*value added*) di dalam jabatan serta menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya anggota.

Jadual 1: Bilangan Kursus Yang Dihadiri Mengikut Kategori

Bil	Jenis Kursus	Jumlah Kursus	
1.	Individu	17	
2.	Berkumpulan	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	15
3.		Kumpulan Pelaksana	38
Jumlah Kursus		70	

Jadual 2 : Ceramah Yang Dihadiri Kakitangan IKMa

Bil	Ceramah / Taklimat	Tarikh
1.	Sesi Perkongsian Pengalaman Mengikut HRDF Train The Trainers (TTT) Bersama En Hasrin bin Abu Hassan	31 Mac 2022 Bunga Raya, IKMa
2.	Ceramah Ramadhan 'Ramadan Membina Insan yang Diredhai Allah SWT	08 April 2022 Bunga Raya, IKMa
3.	Ceramah Ramadan Bulan Penyucian Jiwa	15 April 2022 Bunga Raya, IKMa
4.	Ceramah Bulan Ramadan Ikma – Iktibar daripada Hadis Nabi (Siri 2)	21 April 2022 Bunga Raya, IKMa
5.	Sesi Perkongsian Penggunaan Serambi Ilmu Rakyat (SIR)	25 April 2022 Dalam talian
6.	Ceramah Bulan Ramadan IKMa Siri 3 – Khilaf Ramadan Dulu Kini dan Selamanya	26 April 2022 Bunga Raya, IKMa
7.	Ceramah Pengukuhan Integriti "Seksyen 17a, Akta SPRM (Liabiliti Korporat)	19 Mei 2022 Auditorium IKMa
8.	Sesi Perkongsian Pengalaman Bersama En. Abdul Razak bin Osman	31 Mei 2022 Perpustakaan TSNO
9.	Ceramah Waspada HFMD. Apa Peranan Ibu Bapa?	13 Jun 2022 Bunga Raya, IKMa
10.	Ceramah Penampilan dan Etika Berpakaian Penjawat Awam	24 Jun 2022 Dalam talian
11.	Ceramah Akta 709: Perlindungan Data Peribadi	19 Ogos 2022 Bunga Raya, IKMa

Bil	Ceramah / Taklimat	Tarikh
12.	Taklimat Pengenalan Sistem E-Claim	30 Ogos 2022 Auditorium IKMa
13.	Sesi Perkongsian Pengalaman Bersama En. Khairul Azmi bin Ismail	09 September 2022 Perpustakaan TSNO
14.	Ceramah Keterhutangan Serious , Perbaiki Pengurusan Kewangan Anda	09 November 2022 Dalam talian
15.	Sesi Taklimat LNPT dan Pengenalan MyPerformance kepada Warga Kerja IKMa	11 November 2022 Dalam talian
16.	Ceramah Kesihatan Ergonomik di Tempat Kerja	29 November 2022 Perpustakaan TSNO

2. Latihan Kakitangan Peringkat Luar Negara

Program luar negara yang dilaksanakan memfokuskan peranan pegawai sebagai pakar rujuk bidang perkoperasian dan pendedahan kepada tadbir urus organisasi di luar negara. Penglibatan mereka sebagai usaha memantapkan peranan IKMa melalui faedah penerimaan maklumat dan pengalaman berkaitan tadbir urus sejajar dengan pembangunan sumber manusia yang cekap dan berkesan di samping menerapkan etika dan nilai.

Penglibatan mereka juga dalam bengkel / seminar / persidangan anjuran ICA - Asia Pasifik dan sebagai pasukan khidmat nasihat kepada gerakan koperasi luar negara perlu diperkasa dan diberi keutamaan selaras dengan sasaran peningkatan yang berimpak kepada IKMa ke arah sebuah institusi koperasi di Malaysia.

Maklumat program latihan luar negara dan Pegawai IKMa yang telah dihantar untuk mengikuti program ini adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Program Luar Negara Tahun 2022

Bil	Nama Program	Penganjur	Tarikh/ Tempat	Nama Pegawai
1	ICA-AP Youth Committee (ICYC)	ICA	16 Mac & 4 April 2022 Dalam talian	I. En. Muhamad Afnan bin Hasim II. Pn. Hajar Azwin binti Mohamad Ashi

Bil	Nama Program	Penganjur	Tarikh/ Tempat	Nama Pegawai
2	Program International Co-Operative Alliances Asia and Pacific	ICA-AP	Mac – Jun 2022 Dalam talian	Pn. Rahmatbee Zarinatun binti Mohd Abdul Kader
3	ICA-AP Consumer Committee webinar with ICYC and Forest Committee “What we can do for Forest”	ICAAP consumer committee and ICAAP committee on Youth	18 Mei 2022 Dalam talian	En. Muhamad Afnan bin Hasim
4	Seminar “ Peranan Perempuan Dalam Pengkoperasian Internasional’	PT Mahkota Karya Perdana	13 – 16 Ogos 2022 Bandung, Jawa Barat, Indonesia	I. Pn. Nasibah binti Ahmad II. Pn. Sharifah Shuzaida binti Saedin
5	Program Pembangunan Eksekutif (EDP) 2021 Bagi Kumpulan Junior Gred 41-44	JPA & NHI	12 – 25 Jun 2022 Gyeonggido, Korea Selatan	En Khairul Azmi bin Ismail
6	ICA General Assembly	ICA	20 Jun 2022 The Silken Al-Andalusia Palace in Seville, Spain	I. YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor II. En. Faiz bin Ahmad Yatim
7	International Youth Day 2022- Focus on Intergenerational Solidarity: Creating a World for All Ages	ICA	16 Ogos 2022 Dalam talian	I. En. Muhamad Afnan bin Hasim II. Pn. Hajar Azwin binti Mohamad Ashi
8	9 th Governance, Management and Leadership Training (GMLT): “Synergizing visibility and Sustainability”	PBBM	22 – 30 Ogos 2022 London, Oxford & Cambridge, United Kingdom	I. Pn. Hamidah binti Mohd Jos II. Pn. Wan Nur’Ain binti Wan Abd Rahim

Bil	Nama Program	Penganjur	Tarikh/ Tempat	Nama Pegawai
9	Management Training Program For Junior Officers 2022	JPA & JICA	13 September – 1 Oktober 2022 Jepun	En. Khairul Akmal bin Saim
10	Program 8th International Cooperative Alliance-Asia Pacific (ICA-AP) Committee On Cooperative Research	ICAAP	15-17 Disember IKOPIN, Bandung, Indonesia	Dr. Mohd Shahron Anuar bin Said
11	16th ICA ASIA-PACIFIC Research Conference	ICAAP	15-17 Disember IKOPIN, Bandung, Indonesia	I. Pn. Salwana binti Ali II. Cik Siti Hajar binti Saaey III. Pn. Hajar Azwin binti Mohamad Ashi

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Kampus induk Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang terletak di Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan sejak dari tahun 1956. Kampus IKMa yang berkeluasan 17,394.9719 meter persegi atau 4.30 ekar ini menyediakan pelbagai kemudahan fasiliti bagi menjalankan fungsi sebagai satu-satunya pusat latihan koperasi di Malaysia.

Kemudahan fasiliti yang disediakan di kampus induk IKMa ini adalah terdiri daripada:

- i. Empat buah bilik kuliah (kapasiti 30 – 80 orang);
- ii. Tiga buah bilik mesyuarat (kapasiti 8 – 28 orang);
- iii. Tiga buah makmal komputer (kapasiti 30 – 50 orang);
- iv. Sebuah Auditorium Datuk Abdul Majid (kapasiti 222 orang);
- v. Sebuah dewan serbaguna Abdul Aziz Ishak (kapasiti 250 orang);
- vi. Dua buah dewan makan (kapasiti 300 orang);
- vii. Sebuah kafeteria (kapasiti 30 orang); dan
- viii. 96 buah bilik penginapan (kapasiti 192 orang).

Kesemua kemudahan fasiliti yang disediakan ini, IKMa berupaya menampung sehingga 500 peserta kursus pada satu-satu masa. Bagi tujuan menjana pendapatan dalaman, IKMa turut menawarkan sewaan kemudahan fasiliti kepada pihak kerajaan, koperasi dan pihak swasta yang berminat dengan kadar sewaan yang sangat kompetitif. Bergerak seiring dengan perkembangan teknologi, IKMa telah memperluaskan zon dan cawangan dengan penambahan sebanyak 11 unit *Interactive Smartboard*.

Di samping itu, IKMa telah menambah baik kemudahan wifi dan rangkaian Internet di seluruh Ibu Pejabat IKMa. Bagi kemudahan wifi, IKMa telah menggantikan keseluruhan *access point* sedia ada dan menambah *access point* baharu menjadikan keseluruhan sebanyak 39 *access point*. Melalui penambahbaikan ini, liputan wifi dapat ditingkatkan hampir keseluruhan kompleks Ibu Pejabat IKMa. Selain dari itu, rangkaian fizikal juga telah ditambah baik dan dinaik taraf.

Usaha menambah baik infrastruktur IKMa diteruskan dari semasa ke semasa dalam memastikan IKMa terus menyediakan kompleks latihan dan pendidikan yang kondusif untuk peserta dalam dan luar negara.



Peserta kursus dalam bilik yang memiliki fasiliti *interactive smartboard*.



Interactive smartboard yang digunakan untuk kursus di IKMa.

Penubuhan Pejabat Cawangan Baharu

Dalam usaha IKMa memperluaskan penyampaian latihan dan strategi mendekati koperasi di seluruh Malaysia, IKMa mengorak langkah ke hadapan dengan menubuhkan beberapa cawangan baharu demi peningkatan modal insan koperasi seluruh Malaysia.

Penubuhan cawangan baharu adalah untuk menyebarkan latihan dan maklumat berkaitan koperasi secara berstruktur kepada koperasi luar bandar dan ke arah penjimatan kos serta kemudahan capaian jaringan kerjasama bersama koperasi setempat

Penubuhan dua buah pejabat cawangan baharu seperti berikut:

- a. Kuala Terengganu, Terengganu (mulai 1 April 2022)
- b. Ipoh, Perak (mulai 1 Mac 2022)



1 **KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU**
(mulai 1 April 2022)

2 **IPOH,
PERAK**
(mulai 1 Mac 2022)





LAPORAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2022

LAPORAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2022

Pada tahun 2022, Program Pembangunan Modal Insan Koperasi dibangunkan berdasarkan dasar dan polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sehingga Disember 2022, IKMa telah melaksanakan sebanyak 844 program dengan bilangan penyertaan seramai 35,042 orang peserta dengan menggunakan kaedah pembelajaran secara bersemuka, dalam talian ataupun hybrid. Bermula Januari 2022, IKMa melaksanakan 70% program yang dirancang secara bersemuka dan 30% program dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan medium Facebook, aplikasi Zoom dan Google Meet.





PROGRAM IKMa

1. Program Pembangunan Kepimpinan Koperasi (PIMPIN)

Program ini disasarkan kepada Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Kecil Koperasi, Pengurusan Kanan Koperasi, Perwakilan Koperasi, Pemimpin Pelapis Koperasi, Pegawai Agensi yang Menyelia Koperasi. Secara keseluruhannya, pada tahun 2022 sebanyak 193 program telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan penglibatan seramai 6,968 peserta.



Peserta Kursus Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2) bergambar bersama penyelar dan tenaga pengajar IKMa.



Para peserta Kursus Pengurusan Strategik (Wajib 3) sedang melakukan tugas berkumpulan mereka.

2. Program Asas Perniagaan Koperasi (COOPBif)

Secara keseluruhannya pada tahun 2022 sebanyak 254 program telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan penglibatan seramai 17,335 peserta. Program ini telah memberi impak dalam konteks peningkatan kefahaman dan kemahiran koperasi dalam aspek pengurusan dan pentadbiran, kewangan, perniagaan dan teknologi maklumat.

3. Program Bimbingan Koperasi Bersasar

IKMa telah merangka program bimbingan koperasi bersasar setiap tahun melalui strategi turun padang ke koperasi. Secara keseluruhannya pada tahun 2022 sebanyak 354 program telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan penglibatan seramai 5,643 peserta. Program tersebut ialah:

a. Program Melonjakkan Pendapatan Koperasi (MiRiCLe)

Program MiRiCLe merupakan program latihan dan bimbingan secara bersasar kepada koperasi yang terpilih meliputi latihan dan bimbingan secara komprehensif dalam melonjakkan pendapatan koperasi. Sepanjang 2022, IKMa telah melaksanakan 145 program dengan penyertaan sebanyak 91 koperasi.



Para peserta didedahkan secara terus di lapangan tentang cara penjagaan cili yang betul.



Peserta sedang mempelajari kaedah dan terma dalam proses pengiraan dan penilaian stok.

b. Program Pembangunan Keusahawanan Koperasi (COOPBizpreneur)

Program ini dibangunkan untuk melonjakkan tahap sosioekonomi anggota selaras dengan matlamat penubuhan koperasi. Program ini juga menarik minat usahawan atau anggota koperasi untuk menerokai bidang usahawan yang ditawarkan seperti pembinaan dan hartanah, perladangan dan asas tani, pelancongan dan peruncitan. IKMa telah melaksanakan 162 buah program melibatkan 78 koperasi sepanjang 2022.

c. Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (C.O.D.E.)

IKMa meneruskan kesinambungan Program CODE dengan menekankan bidang baharu iaitu sektor peruncitan, pengurusan, pertanian (tanaman kontan dan cendawan) serta pelancongan. Sebanyak 30 koperasi telah dibimbing sepanjang tahun 2022 dalam usaha mengaplikasikan dan mengadaptasi teknologi digitalisasi dalam pengurusan dan aktiviti koperasi.



Kunjungan Muhibbah IKMa ke Pasar Mini Koperasi MK Tansau Berhad.



Bengkel Latihan dan Bimbingan Program CODE e-COMM.

Program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. CODE RACE (Peruncitan)

CODE RACE dilaksanakan dalam tempoh satu tahun memfokuskan kepada Sektor Peruncitan di mana, koperasi akan dibekalkan dengan *business tools* bersama bimbingan dan khidmat nasihat.

ii. CODE e-COOM (e-COOP Management)

Program ini membantu koperasi dalam mempelajari, memahami dan seterusnya mengaplikasikan elemen digitalisasi dalam pengurusan tadbir urus, pengurusan keanggotaan, kewangan dan pembiayaan dalam perniagaan koperasi Ia melibatkan sistem i-KOOP yang telah dibangunkan oleh rakan teknologi IKMa. Program ini dilaksanakan dalam tempoh satu tahun.

iii. CODE e-Tourism

CODE e-Tourism ini turut dilaksanakan dalam tempoh satu tahun yang memfokuskan kepada penggunaan platform digital bagi tujuan pemasaran produk pelancongan koperasi.

iv. CODE Smart Farming IOT (Tanaman Kontan dan Tanaman Cendawan)

Sepanjang 2022, IKMa telah mengaplikasikan kaedah Smart Farming di mana peladang/petani/pengusaha hanya menggunakan *Internet of Things* (IoT) dalam menguruskan ladang mereka. Melalui kaedah ini, petani telah berjaya meningkatkan hasil jualan antara 10 hingga 20 peratus.

d. Program Pemerksaan Kewangan dan Akaun (F.A.S.T.)

Sebanyak 16 koperasi telah menyertai 17 program yang ditawarkan oleh IKMa. Hasil daripada program ini, peserta telah menunjukkan kecekapan pengurusan kewangan, meningkatkan keberkesanan proses pembuatan keputusan dan meningkatkan keberkesanan pemantauan prestasi perniagaan koperasi supaya lebih sistematik dan berinformasi kepada pemegang taruh.

e. Program Belia dan Masyarakat

Objektif utama program ini ialah meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap koperasi, mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi kepada masyarakat, menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan KUSKOP, IKMa dan Agensi kepada gerakan koperasi dan orang awam serta menarik minat golongan pelajar IPT serta belia berkhidmat dalam gerakan koperasi. Secara keseluruhannya pada tahun 2022 sebanyak 43 program telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan penglibatan seramai 5,078 peserta.

Program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Program Graduan ke Koperasi (G2K)

Ahli Lembaga Koperasi perlu diberi nafas baru dengan suntikan tenaga muda. Sehubungan dengan itu IKMa telah merancang beberapa inisiatif melalui kerjasama strategik di antara tiga kementerian iaitu KUSKOP, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). IKMa memainkan peranan dari segi pembudayaan koperasi kepada golongan belia terutamanya siswa dan siswi di Pusat Pengajian Tinggi serta Institut Latihan Awam dan Swasta.

Tahun 2022, IKMa telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala di peringkat antarabangsa, IKMa telah menjalinkan kerjasama dengan Polytechnic University of Philippines.



Peserta Program G2K Sijil Pemasaran Digital Koperasi .



Program G2K-Sijil Pemasaran Digital Koperasi memberi pendedahan kemahiran teknologi dalam pengurusan koperasi.

ii. Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop)

Salah satu dalam rangka mempromosikan Program Pembangunan Modal Insan Koperasi, IKMa telah melaksanakan program MasKop dengan kerjasama kementerian dan agensi. Purata keseluruhan program yang dilaksanakan ialah sebanyak 30 program dengan penglibatan 3,034 peserta. Program ini telah merangkumi perkongsian pengalaman ikon koperasi, kisah kejayaan melalui platform bicara ilmu, seminar, pocket talk, bicara ketua eksekutif, konvensyen dan lain-lain program bagi membudayakan koperasi dalam kalangan rakyat Malaysia.



Program MasKop yang diadakan di Ipoh, Perak.



Program MasKop anjuran Institut Koperasi Malaysia Zon Utara di Hotel Starcity, Alor Setar, Kedah.

iii. Program Sijil Eksekutif IKMa

Pada 2022 IKMa telah melaksanakan dua Program Jangka Panjang iaitu Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi dan Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi.

- **Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo)**

Program ini telah disertai seramai 16 orang peserta bermula 4 Julai – 23 Disember 2022 terdiri daripada anggota lembaga dan tenaga pengurusan kanan koperasi. Program ini telah berjaya memberi kefahaman amalan pengurusan perniagaan mengikut peruntukan perundangan yang berkaitan koperasi serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi.

- **Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo)**

Program ini bertujuan memberi kefahaman mengenai peranan dan tugas setiausaha koperasi. Hasil daripada program ini IKMa telah berjaya membimbing seramai 25 orang peserta bermula pada 1 Ogos – 15 Disember 2022.



Sesi Taklimat Program Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) telah disempurnakan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), IKMa.



Sebahagian peserta SEPKo bergambar potret bersama pegawai IKMa di hadapan logo besar IKMa sebagai kenangan.

vii. Program Antarabangsa

Sepanjang tahun 2022, IKMa telah menganjurkan 18 program antarabangsa meliputi International Cooperative Alliance (ICA) dan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Jadual 3: Senarai Program Antarabangsa Anjuran / Penglibatan IKMa

BIL	TAJUK	TARIKH
1	The Philippine Cooperative Center Silver Anniversary Panata at Pagtataya: Dalawampu't Limang Taon ng Paglilingkod sa Sektor ng Kooperatiba at Bayan	10 Mac 2022
2	ICA-AP Youth Committee (ICYC)	16 Mac & 4 April 2022
3	Webinar: Pertanian & teknologi	11 April 2022
4	Program ICAAP Future Proofing Cooperatives in Asia and Pacific through Innovation: A Dialogue with Co-op Leaders 'Future Proofing	13 April 2022
5	Making co-op education attractive for millennials: Gaps and Opportunities	26 April 2022
6	Global Consultation on the Cooperative Identity: lessons from the Congress, next steps and guidelines	13 Mei 2022
7	ICA-AP Consumer Committee webinar with ICYC and Forest Committee "What we can do for Forest"	18 Mei 2022

BIL	TAJUK	TARIKH
8	Strengthening the Role of Cooperatives in achieving the targets of SDGs & Economic Democracy	26 Mei 2022
9	ICA-AP MBO x ICA Africa Cooperative Identity Webinar Session: ICA-AP MBO x ICA Africa Cooperative Identity Webinar on Enabling Environment for Youth to Own Their Economic Future.	2 Jun 2022
10	ICA General Assembly Tempat: The Silken Al-Andalusia Palace in Seville, Spain	20 Jun 2022
11	International Research Conference 2022	Julai 2022
12	International Webinar: Agricultural Technology, A Solution to Poverty Alleviation: Co-operatives Perspective	7 Julai 2022
13	International Youth Day 2022	16 Ogos 2022
14	Program MTCP: a. Certificate in Co-operative Community Development Through Microfinance b. Certificate in Co-operative Management & Governance	22-26 Ogos 2022
15	Climakers Project 2022	29 September 2022
16	International Conference: International Research Conference 2022	26 – 27 Oktober 2022
17	Program 8th Meeting of The ICA-AP Committee on Cooperative Research Tempat : IKOPIN, Bandung, Indonesia	15-17 Disember 2022
18	16th ICA ASIA-PACIFIC Research Conference Tempat : IKOPIN, Bandung, Indonesia	15-17 Disember 2022

g. Penyelidikan Dan Penerbitan

Sebanyak 15 penerbitan seperti Kajian Kes, Buku Panduan Mengajar, Monograf Penyelidikan, Majalah Dimensi Koop dan Majalah Info, Buku Pelan Promosi, Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia, Prosiding, Monograf Wanita, Jurnal dan Buku PaRa IKMa telah dihasilkan pada 2022. Usaha mempelbagaikan aspek penyelidikan turut dijalankan melalui kajian jangka pendek dengan kerjasama kementerian.

Di peringkat antarabangsa pula, seperti kelaziman IKMa akan mengambil bahagian dalam pembentangan hasil penyelidikan ke beberapa buah negara meliputi Filipina, Indonesia, Thailand dan lain-lain.

Jadual 4: Senarai Penyelidikan

BIL	TAJUK
TAHUN 2021/2022	
1.	Prospek dan Potensi Koperasi Agromakanan terhadap Perolehan Gerakan Koperasi di Malaysia
2.	Penilaian terhadap Penglibatan Pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional: Satu Tinjauan
3.	Kajian Penerokaan terhadap Faktor Keupayaan dan Prestasi Koperasi Kecil dan Sederhana di Wilayah Utara
4.	Analisis Kompetensi Anggota Lembaga Koperasi di Malaysia
5.	Faktor Daya Tahan Perniagaan Koperasi di Sarawak
TAHUN 2022/2023	
1.	Tahap Pengurusan Kewangan Koperasi di Malaysia
2.	Amalan Adaptasi Digitalisasi dalam Koperasi Kluster Kecil dan Sederhana
3.	Keberkesanan Latihan Modal Insan dalam Memperkasa Ekonomi Koperasi yang Menjalankan Perniagaan Homestay
4.	Kesediaan Adaptasi Digital Pelanggan Ar-Rahnu
5.	Kajian Perundangan Berkaitan Koperasi

Jadual 5 : Senarai Artikel Jurnal Penerbitan Malaysian Journal of Co-operative Studies

BIL	TAJUK	PENULIS
1.	Factors Influencing Co-operative Business Performance: A Conceptual Framework	Mazdhee Mohamad Hussain
2.	Understanding the Demographic Profiles and Financial Performances of Ar-Rahnu Cooperatives Outlets in Malaysia	Nik Hadiyan Nik Azman, Mohamad Rasydi Abd Rashid, Ahmad Faizal Ahmad Shaarani, Ju Samsuddin Safian, Asha'ari Arshad, Nur Afifah Izzati Mokhtar
3.	Penilaian Kesesuaian Tempoh Bayaran Balik dari Perspektif Anggota dan Koperasi Kredit di Malaysia	Julizah Sabstu, Mohamad Rasydi Abd Rashid, Mohamad Kamarulzaman Mohamad Annuar Mus'adad
4.	Tahap Kepuasan Anggota terhadap Manfaat diterima daripada Koperasi Kredit di Malaysia	Nor Alyani Abdul Razak, Farahaini Mohd Hanif, Nur Afifah Izzati Mokhtar
5.	Penglibatan Koperasi dalam Perniagaan <i>Online</i> di Malaysia: Faktor-faktor Kekangan	Hajar Azwin Mohamad Ashi, Rosmalina Che Yakzam, Zaharatul Laili Zakaria, Arfizawati Abd Hadi, Azlifah Abas, Romaizah Abd Kadir
6.	Koperasi Wanita di Malaysia: Isu dan Cabaran	Azmaliza Arifin, Yusman Yacob, Amalina Ibrahim
7.	The Predictors of Cooperative Digitalization Adoption and their Relationships with Cooperative Performance	Tat-Huei Cham, Low Mei Peng, Yusman Yacob, Azmaliza Arifin, Boon-Liat Cheng
8.	Cooperate to Future Proof Freelancers	Muhammad Ammir Haron
9.	Cabaran dan Impak Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap Koperasi di Malaysia	Azmaliza Arifin, Mohd Shahron Anuar Said, Nur Anizah Aziz, Sharina Abdullah

Jadual 6 : Senarai Kajian Kes Koperasi di Malaysia


BIL	TAJUK	PENULIS
1.	Dilambai Tak Nampak Diseru Tak Dengar	Hajar Azwin Mohamad Ashi, Dinah Nabilah Mokhtaruddin, Zaharatul Laili Zakaria
2.	Di Mana Ada Kemahuan, Di Situ Ada Peluang	Farez Mahmood, Intan Nur Azreen Mohamad Radzi
3.	Kulatku Semakin Mengembang	Mohd Nusi Abdul Rahman, Rohalinda Ahad, Rahmathbee Zarinatun Mohd Abdul Kader
4.	Masihkah Ada Sinar Untuk Koperasi Kampung Semut?	Nur Syazwani Zainul Abidin, Nor Fadhilah Mohd
5.	Ibarat Perahu Tidak Akan Karam Sebelah	Salwana Ali, Julizah Sabstu
6.	Api Jangan Dituang Minyak	Rahmathbee Zarinatun Mohd Abdul Kader, Hamizah Mohd Nadzir, Juliana Md Yusop

Jadual 7 : Senarai Kisah Kejayaan Koperasi Dalam & Luar Negara Jilid 11

BIL	TAJUK	PENULIS
1.	Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (Putrakop) Coopmart: <i>Survival Perniagaan dalam Era Pandemik Covid-19</i>	Christopher John Baptist, Rohalinda Ahad, Rina Fairuz Jahya
2.	Koperasi Wawasan Rakyat Sabah Berhad: Impak Kecekapan Pengurusan Rantaian Bekalan Ke Atas Perniagaan Koperasi dan Komuniti	Shamsiah Syamsudin, Norawati Ngatmin
3.	Koperasi Peserta Felcra Paloh Berhad (Koppaloh): Sistem Prestasi Menjamin Kualiti Pentadbiran	Afizah Abdul Jalal
4.	Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Batu Pahat Berhad: Namamu Teratas Terpahat di Hati	Hafizal Abu Bakar, Mohamad Haniff Mohamad Hashim

Jadual 8 : Senarai Terbitan IKMa

BIL	TAJUK
1.	Buku Landskap Promosi Koperasi
2.	Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia
3.	Buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Institut Koperasi Malaysia PARA-IKMa 2022-2026
4.	Monograf Penyelidikan
5.	Prosiding
6.	Majalah Info
7.	Majalah Dimensi Koop
8.	Buku Kisah Kejayaan Koperasi
9.	Jurnal Koperasi (<i>Malaysian Journal of Co-operative Studies</i>)
10.	Buku Kajian Kes Koperasi





SAMBUTAN 100 TAHUN KOPERASI

SAMBUTAN 100 TAHUN KOPERASI

a. Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia

Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia merupakan manifestasi kejayaan gerakan koperasi di Malaysia sejak penubuhannya pada 1922 sehinggalah kemakmuran kini yang dikecapi oleh negara Malaysia. Menelusuri jejak gerakan koperasi di Malaysia yang telah mula bertapak pada tahun 1922 sehingga tahun 2022, jelas membuktikan bahawa ideologi koperasi di Malaysia masih kekal relevan dan utuh sehingga ke hari ini. Justeru, mencapai usia 100 tahun penubuhan koperasi di Malaysia, satu naskhah khas dicipta bagi membukukan sejarah, evolusi, pencapaian dan kejayaan yang diraih oleh gerakan koperasi di Malaysia sama ada di dalam mahupun luar negara. Tokoh-tokoh pemimpin koperasi serta sumbangan mereka turut dipaparkan dalam buku ini bagi mengenang jasa dan perjuangan mereka pada awal penubuhan koperasi di Malaysia. Buku ini juga sangat istimewa kerana ia dapat dijadikan sumber rujukan oleh masyarakat dan juga generasi akan datang bagaimana teretusnya idea penubuhan koperasi dan cabaran sepanjang penubuhan gerakan koperasi di Malaysia.



YB Menteri dan dif-dif kehormat bersama melihat Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia yang dilancarkan.



YB Menteri turut mengunjungi reruai IKMa dan menurunkan tandatangan pada Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia.

b. Program CSR IKMa Prihatin sempena 100 Tahun Koperasi

Pelaksanaan program CSR merupakan platform IKMa untuk menzahirkan bantuan dan sumbangan kepada gerakan koperasi dan pihak yang memerlukan sama ada Agensi Kerajaan/ Badan Bukan Kerajaan/ Yayasan/ Pertubuhan/ Sekolah/ Individu. Penyaluran sumbangan CSR diharap membantu kumpulan sasar dan seterusnya meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara di samping membudayakan koperasi dalam komuniti sebagai agenda nasional kementerian dan negara. Beberapa program CSR bersempena sambutan 100 tahun gerakan koperasi telah dilaksanakan pada tahun 2022 seperti:

Bil.	Perkara
1.	CSR bantuan banjir di Kg. Gantung, Temerloh Pahang.
2.	CSR bantuan banjir kepada warga IKMa yang terkesan banjir sekitar Selangor sepanjang Januari 2022.
3.	CSR bantuan banjir di Kg. Tengah Segamat, Johor.
4.	CSR pantai Dungun, Terengganu.
5.	CSR memasak dan mengagih bubur lambuk kepada anak yatim sekitar Petaling Jaya, Selangor.



Serahan bantuan sempena CSR IKMa Prihatin di Dungun, Terengganu.



TKPP dan TKPPMI IKMa menyerahkan bantuan kepada mangsa banjir.

c. Malam Jalinan Mesra

Pada 15 Ogos 2022, IKMa telah menganjurkan Majlis Malam Jalinan Mesra IKMa bersama 100 Koperasi Terbaik bertujuan mengumpulkan barisan Pengerusi dan Ketua Eksekutif Koperasi dari Koperasi Primer dan 100 Koperasi Terbaik seluruh Malaysia bagi meraikan sumbangan koperasi dalam gerakan koperasi di samping memperkenalkan IKMa dan penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).

Majlis ini juga bertujuan memberi pengiktirafan kepada Koperasi Premier sebagai perintis kepada koperasi lain dalam menyumbang kepada kelangsungan gerakan koperasi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Majlis ini juga dijadikan sebagai platform perkongsian pengalaman dalam kalangan Pengerusi dan Ketua Eksekutif yang berjaya bagi membolehkan perkongsian dan membincangkan isu dan cabaran perniagaan semasa yang dihadapi.

Majlis diteruskan lagi dengan sesi Pertukaran MoU antara Intitut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan koperasi-koperasi terlibat seperti Koop Sahabat, KOPETRO, Koperasi TNB dan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad.



Barisan Koperator yang menerima anugerah




Pertukaran MoU antara Institut Koperasi Malaysia dengan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad

d. Kuiz Koperasi dan Pocket Talk Koperasi

IKMa telah mengambil bahagian dalam penganjuran Program Jom Berkoperasi dan Kuiz Koperasi melalui program ini dapat memperkenalkan Kementerian dan IKMa khasnya kepada masyarakat umum. Strategi ini digunakan bagi mewujudkan peluang menjalinkan hubungan dan sinergi antara Kerajaan dan masyarakat melalui pendedahan aspek berkoperasi. Melalui usaha berterusan ini akan memastikan kelestarian koperasi akan terus diwarisi oleh generasi mendatang sebagai wadah pembangunan ekonomi anggota. Penglibatan IKMa ini dalam beberapa program anjuran KUSKOP seperti Hari Usahawan dan Koperasi Keluarga Malaysia, Minggu Usahawan Negara, Bulan Koperasi Kebangsaan dan Hari Koperasi Negara.



Hadiah eksklusif untuk pemenang Kuiz Koperasi.



Antara Kuiz Koperasi yang dipaparkan,

e. Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan

Buat julung kalinya, sempena Sambutan 100 Tahun Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menganjurkan Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan pada 7 Julai 2022 dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA) serta sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan ini merupakan salah satu usaha Institut Koperasi Malaysia untuk mempromosikan sambutan 100 tahun Gerakan Koperasi di Malaysia yang mana secara tidak langsung menjadi idea positif kepada pembangunan koperasi di negara kita.

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk memupuk minat semangat berkoperasi dalam kalangan pelajar sekolah sekaligus mengetengahkan bakat generasi muda sebagai pelapis pembangunan negara melalui pembinaan keyakinan dan ketrampilan diri serta memperluas pengetahuan generasi muda khususnya dalam bidang koperasi.

Seramai 118 peserta daripada 30 buah sekolah seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan ini dengan membawa tema “Koperasi Sekolah sebagai Pemangkin Pemimpin Generasi Muda Koperasi”.

Hadiah utama telah berjaya dimenangi oleh Erika Maisara Roslan dari MRSM Parit, Perak yang memberikan persembahan pidato terbaik. Johan meraih hadiah wang tunai berjumlah RM10,000 berserta sijil. Bagi naib johan dan tempat ketiga pula masing-masing membawa pulang wang tunai RM7,000 dan RM5,000 dan sijil.

Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan ini merupakan salah satu usaha Institut Koperasi Malaysia untuk mempromosikan sambutan 100 tahun Gerakan Koperasi di Malaysia yang mana secara tidak langsung menjadi idea positif kepada pembangunan koperasi dinegara kita.



Pemidato menyampaikan
Pidato Koperasi.



Barisan pemenang Pertandingan Pidato
Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan.

f. Pra Pelancaran Universiti Keusahawan Koperasi Malaysia (UKKM) di Perpustakaan IKMa

26 Mei 2022, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Pelancaran Perpustakaan Tan Sri Noh Haji Omar. Perpustakaan ini telah ditubuhkan selari dengan visi penubuhan Institut Koperasi Malaysia itu sendiri iaitu memperkasa modal insan koperasi ke arah kecemerlangan.

Perpustakaan Tan Sri Noh Omar ditubuhkan bagi menyokong keperluan latihan dan kursus yang dijalankan IKMa. Ia dikendalikan oleh kakitangan yang profesional dan mempunyai lebih 30 ribu koleksi bahan monograf seperti buku, bahan terbitan bersisi majalah, laporan tahunan yang terdiri daripada pelbagai subjek termasuk bidang khusus iaitu keusahawanan dan koperasi.

IKMa menamakan perpustakaan ini sebagai Perpustakaan Tan Sri Noh Omar sebagai usaha untuk menghargai perjuangan beliau dalam gerakan koperasi disamping beliau telah menjadi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebanyak dua kali dalam kabinet.



YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyampaikan tawaran pengajian kepada bakal pelajar UKKM.



Tan Sri Noh bin Haji Omar meninjau ruang legar perpustakaan.

g. Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022

Selaras dengan Sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) buat julung kalinya melakar sejarah bersama sokongan dan dorongan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) mewujudkan satu anugerah yang diberi nama Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022.

Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf koperasi kluster besar, sederhana, kecil dan mikro yang bergiat aktif dalam membangunkan modal insan koperasinya sendiri. Di samping itu, anugerah ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kefahaman masyarakat tentang kepentingan pendidikan koperasi bagi memastikan kelestarian sesebuah koperasi dicapai seiring dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM). Terdapat empat kategori anugerah yang dipertandingkan iaitu kategori Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi bagi Kluster Besar, Kluster Sederhana, Kluster Kecil dan Kluster Mikro.

- i. Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Besar
 - Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad
- ii. Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Sederhana
 - Koperasi Kesihatan Terengganu Berhad
- iii. Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Kecil
 - Koperasi Pembangunan Wakaf Bharu Berhad
- iv. Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Mikro
 - Koperasi Pembangunan Desa Saradan Tenghilan Berhad



Barisan penerima Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022.



YBhg Tan Sri Noh bin Haji Omar menyampaikan anugerah kepada pemenang kategori Koperasi Kluster Mikro.

h. Bicara Perdana Bulan Koperasi Kebangsaan 2022 (BKK22)

Bicara Perdana Bulan Koperasi Kebangsaan 2022: “The Power of COOP” bersempena tema “100 Tahun Gerakan Koperasi Membangun Keluarga Malaysia” telah diadakan pada 1 Julai 2022 bertempat di Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Kuala Lumpur. Lebih 100 orang telah menghadiri program yang dibarisi oleh Ustaz Dato’ Dr. Izhar Arif dan Pencetus Ummah Azman (PU Azman) sebagai penceramah serta Ustaz Mohd Hariri Mohamad Daud sebagai moderator.



Pengerusi IKMa menyampaikan sumbangan wang tunai bagi program CSR-IKMa Prihatin 2022 dan disampaikan semasa Program Bicara Perdana “The Power of COOP”



Barisan tetamu kehormat, pengurusan tertinggi IKMa dan panelis Bicara Perdana “The Power of COOP” bergambar bersama.

i. Program Bicara Perdana “Koperasi Penyatuan Ukhwah Keluarga Rabbani Berkualiti” Sempena Hari Koperasi Negara 2022

Pada 28 Julai 2022 telah berlangsung program Bicara Perdana “Koperasi Penyatuan Ukhwah Keluarga Rabbani Berkualiti” bersempena dengan Hari Koperasi Negara 2022 di Mines International Exhibition & Convention Centre (MIECC), Seri Kembangan, Selangor. Program ini menampilkan dua panelis hebat iaitu YBhg. Dato’ Badli Shah bin Alauddin dan Ustaz Harryanto Rizal bin Rokman serta saudara Suffian Amrin sebagai moderator. Seramai lebih kurang 500 orang terdiri daripada para koperator, usahawan dan individu telah hadir ke program Bicara Perdana ini.



Saudara Suffian Amrin sebagai moderator bersama dua panelis hebat iaitu YBhg. Dato’ Badlishah Alauddin dan Ustaz Heryanto Rizal bin Rokman.



Hadirin yang hadir ke Bicara Perdana Penyatuan Ukhwah Keluarga Rabbani.

j. Konvensyen Keusahawanan Koperasi: Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara

Konvensyen telah diadakan pada 23-24 November 2022 di The Pacific Sutera Hotel, Sutera Harbour Kota Kinabalu. Konvensyen ini telah dihadiri oleh seramai 513 orang yang terdiri daripada koperator dan usahawan dari seluruh Malaysia. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Abidin Madingkir, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah. Selain itu, resolusi Konvensyen ini akan diangkat kepada pihak berwajib bagi cadangan penambahbaikan kepada pembangunan gerakan koperasi. Konvensyen ini telah menghasilkan resolusi yang akan diangkat kepada pihak berwajib untuk pembangunan gerakan koperasi di Malaysia.



Majlis Perasmian Konvensyen telah disempurnakan oleh Datuk Abidin bin Madingkir, Pembantu Menteri kepada YAB Ketua Menteri Sabah.



Barisan Tetamu Kehormat.

k. Seminar, Bicara Ilmu dan Bicara Eksekutif

Sempena sambutan 100 tahun koperasi, IKMa telah melaksanakan beberapa program pengenalan dan pembudayaan koperasi kepada masyarakat setempat di mana koperasi yang berjaya dijemput untuk berkongsi kisah kejayaan dan pengalaman dalam sektor koperasi. Sebanyak 48 program melibatkan penyertaan seramai 7,112 peserta.

Jadual 9 : Sebahagian Senarai Seminar, Bicara Ilmu & Bicara Eksekutif

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	"Pemantapan Usahawan Koperasi Dalam Pengeluaran Dan Pemasaran Pertanian"	11 Januari 2022
2.	Bicara Ilmu "Anak Muda Warisan Bangsa"	26 Januari 2022
3.	Digital Leadership "Mentransformasi Pengurusan Koperasi Melalui Digitalisasi"	16 Mac 2022
4.	Technology Update: Digitalisasi Koperasi Secara Online "Mantapkan Pengurusan Koperasi Melalui Platform Digital"	13 April 2022
5.	Bicara Ilmu "Berkoperasi Dari Hati"	25 April 2022
6.	Bicara Ilmu Menerokai Potensi Pelaburan Saham	28 April 2022
7.	Technology Update: Integrasi Data Satelit & IoT Dalam Perladangan Pintar	19 Mei 2022
8.	Bicara Ilmu: Celik Cukai Koperasi	8 Jun 2022
9.	Technology Update: Strategi Membina Content Berimpak Tinggi Di TikTok & Reels	16 Jun 2022
10.	"Zero to Hero"	20 Jun 2022
11.	Program Pembangunan Kapasiti "Kisah Kejayaan Koperasi"	2 Julai 2022
12.	Agricultural Technology Solution to Alleviate Poverty	7 Julai 2022
13.	Bicara Profesional: Audit Patuh Syariah Dalam Koperasi	20 Julai 2022
14.	Seminar Wanita: Wanita Sejahtera Melalui Koperasi	20 Julai 2022
15.	Bicara Ketua Eksekutif: Persona Mencipta Jaya	15 Ogos 2022
16.	Bicara Ilmu 'Pelan Kesenambungan Kepimpinan Koperasi: Kesan Dan Kepentingan"	25 Ogos 2022

BIL	TAJUK	TARIKH
17.	Technology Update: Technology Blockchain - Peluang Kepada Gerakan Koperasi	1 September 2022
18.	Technology Update: Keselamatan Siber Dalam Perniagaan Online	22 September 2022
19.	Bicara Ilmu: Bina Jenama Sendiri	6 Oktober 2022
20.	Bicara Ilmu "IKMa In Campus: Siswa dan Teknologi Digital Dalam Perniagaan Koperasi"	27 Oktober 2022
21.	Bicara Ilmu: Perancangan Kewangan Dan Pengurusan Harta Patuh Syariah: Potensi Kepada Koperasi	8 November 2022
22.	Technology Update: Penggunaan Teknologi Dalam Penanaman Cendawan Tiram	22 November 2022
23.	Konvensyen Keusahawanan Koperasi: Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara	23 November 2022
24.	Bicara Ilmu "Burnout Dalam Kalangan Pengurusan Dan Pekerja Di Koperasi: Jom Kenali, Fahami Dan Atasi	30 November 2022
25.	Seminar "Transformasi Rantaian Tani Niaga: Peluang Koperasi"	4 Disember 2022



Bicara Ilmu "Bina Jenama Sendiri" anjuran Pusat Pengurusan Perniagaan telah dihadiri seramai 130 orang koperator dan usahawan yang kebanyakannya dari Lembah Klang.



Bicara Ilmu "Inspirasi Sukur, OKU Tapi OK" yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan YBrs. Tuan Sukur Ibrahim. Program ini telah dihadiri oleh lebih daripada 300 orang peserta.






LAPORAN ANAK SYARIKAT



Carta Organisasi



Visi - Menjadi Universiti yang cemerlang dalam Kebitaraan keusahawanan dan koperasi berlandaskan kesejahteraan dan pembangunan mapan ekonomi negara.

Misi - Menjana Kecemerlangan Keusahawanan dan Koperasi Menerusi Pengajaran, Pembelajaran, Penyelidikan, Penerbitan dan Pengembangan untuk mencapai wawasan negara.

MKMGH merupakan anak syarikat milik penuh Institut Koperasi Malaysia yang ditubuhkan pada 2013 dengan tujuan untuk mengembangkan program jangka panjang IKMa. MKMGH telah menubuhkan subsidiari iaitu UKKM Education Sdn Bhd pada 2021. Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) merupakan universiti butik swasta yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) diterajui IKMa.

UKKM telah berjaya memperoleh kelulusan bagi penubuhan universiti sebagai institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bertaraf universiti bertarikh 28 Mac 2022. UKKM sedang dalam proses mendapatkan Perakuan Pendaftaran dan dijangka mendapat kelulusan beroperasi daripada pihak Jabatan Pengajian tinggi (JPT) pada awal tahun 2023.

Penubuhan UKKM yang mengkhususkan kepada kebitaraan keusahawanan koperasi akan mula beroperasi dengan menawarkan program akademik bermula dari peringkat diploma hingga ijazah kedoktoran (PhD). Kini, UKKM dalam pembangunan program bagi memperolehi Akreditasi Sementara yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam 5 program. Program tersebut adalah:

- **Diploma Pengurusan Koperasi (DPK)**
- **Diploma Keusahawanan Koperasi (DKK)**
- **Bachelor of Business Administration (Cooperative Entrepreneurship) (Honours) (BBACE)**
- **Bachelor of Business Administration (Cooperative Management) (Honours) (BBACM)**
- **Master in Business Administration (Cooperative Management) (MBACM)**

Cadangan Program Masa Depan

Selain itu, UKKM juga dalam perancangan untuk membangunkan beberapa program bagi memberi nilai tambah terutama dalam bidang keusahawanan dan dunia korporat. Oleh itu, UKKM bercadang untuk menawarkan program selain dari kebitaraan keusahawanan koperasi kepada masyarakat umum iaitu:

- **Master in Business Administration (Corporate Leadership) (MBACL)**
- **Doctor of Philosophy (Entrepreneurship)**

UKKM menjangkakan pengambilan pelajar akan bermula pada pertengahan tahun 2023 setelah memperolehi akreditasi sementara dan Perakuan Pendaftaran dari Jabatan Pengajian tinggi. Konvokesyen pertama UKKM dijangka bermula 2025 setelah graduan pertama UKKM bagi program Master in Business Administration (Cooperative Management) menamatkan pengajian.



LENSA
IKMa



Sumbangan kepada keluarga Allahyarham En. Mustakeem bin Mohammad Radzi, Kakitangan IKMa



Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (Maskop) 2022



Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Perlis



CSR OKU Beruas



Majlis Sambutan Hari Raya Institut Koperasi Malaysia 2022



Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Kebangsaan



Majlis Jalinan Mesra dan Penyampaian Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022



Perasmian Pejabat IKMa Cawangan Kuala Terengganu



Bicara Ilmu "IKMa in Campus" Siswa dan Teknologi Digital dalam Perniagaan Koperasi

Konvensyen Keusahawanan Koperasi



Sambutan Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti 2022





PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 41.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 [Akta 437].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juraudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.



Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Institut Koperasi Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 [Akta 437]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Koperasi Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Institut Koperasi Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 [*Akta 437*], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 18 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Institut Koperasi Malaysia berdasarkan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 [*Akta 437*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Sijil ini.


(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
22 DISEMBER 2023



PENYATA PENERUSI DAN AHLI LEMBAGA
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

Kami, Haji Mohd Yahya Bin Haji Mat Sahri dan Rusli Bin Jaafar, yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan dan IKMa, Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan IKMa dan Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan IKMa pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




NAMA : Haji Mohd Yahya Bin Haji Mat Sahri

GELARAN : Pengerusi
Lembaga Pengarah IKMa

Tarikh : 20 NOV 2023

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : Rusli Bin Jaafar

GELARAN : Timbalan Pengerusi
Lembaga Pengarah IKMa

Tarikh : 20 NOV 2023

KUALA LUMPUR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Datuk Mohd Ali Bin Mansor, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan dan IKMa, Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan IKMa dan Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan Kumpulan dan IKMa di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Petaling Jaya, Selangor)
pada **20 NOV 2023**)



DATUK MOHD ALI BIN MANSOR

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

No. 40A, Jalan 52/18
40200 Petaling Jaya, Selangor
TLP: 012-6847588

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2022

Nota	KUMPULAN		IKMa		
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM	
ASET					
Aset Semasa					
Penghutang, Pendahuluan dan Deposit	3	3,164,810	2,514,386	1,232,712	947,717
Simpanan Telap	4	500,000	4,959,698	-	4,900,000
Wang Tunai dan Baki di Bank	5	21,835,135	29,738,461	2,708,877	8,795,836
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	382,554	-	-	-
Jumlah Aset Semasa		25,882,499	37,212,545	3,941,589	14,643,553
Aset Bukan Semasa					
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	116,801,856	119,403,109	116,666,151	118,658,123
Kerja Dalam Peraksanaan	7	1,658,060	1,807,403	1,658,060	1,658,060
Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari	8	-	-	26,211,436	25,711,436
Jumlah Aset Bukan Semasa		118,459,916	121,210,512	144,535,647	146,027,619
Jumlah Aset		144,342,415	158,423,057	148,477,236	160,671,172
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Pemiutang, Lain-lain Pemiutang	9	7,213,683	10,219,099	1,615,734	6,501,198
Geran Pembangunan & Amanah	10	17,273,789	17,608,788	17,273,789	17,608,788
Manfaat Pekerja	11	233,010	508,982	233,010	508,982
Jumlah Liabiliti Semasa		24,720,482	28,336,869	19,122,533	24,618,968
Liabiliti Bukan Semasa					
Manfaat Pekerja	11	2,097,087	2,970,314	2,097,087	2,970,314
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		2,097,087	2,970,314	2,097,087	2,970,314
Jumlah Liabiliti		26,817,569	31,307,183	21,219,620	27,589,282
Aset Bersih		117,524,846	127,115,874	127,257,616	133,081,890
EKUITI					
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		800,000	800,000	800,000	800,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		100,000	100,000	100,000	100,000
Lebihan Terkumpul		116,624,846	123,419,466	126,357,616	129,385,482
Dana Rezab	12	-	2,796,408	-	2,796,408
Jumlah Ekuiti		117,524,846	127,115,874	127,257,616	133,081,890

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Nota	KUMPULAN		IKMa	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Hasil				
Terimaan dari Kumpulan				
Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK)	15,800,000	37,006,500	15,800,000	37,006,500
Terimaan Kerajaan untuk Emolumen	14,500,000	14,500,000	14,500,000	14,500,000
Geran pembangunan dilunaskan	297,354	279,132	297,354	279,132
Pendapatan bersih kewangan (hibah bank)	179,977	278,748	179,977	278,748
Yuran	13 490,775	270,413	462,335	127,495
Sewaan	83,450	21,995	83,450	21,995
Pelbagai terimaan	14 727,387	901,144	47,237	59,567
Jumlah Hasil	32,078,943	53,257,932	31,370,353	52,273,437
Perbelanjaan				
Kos kakitangan	15 16,088,447	16,220,491	15,126,969	14,336,335
Perkhidmatan dan bekalan	16 17,082,935	16,673,108	14,228,768	12,804,122
Perbelanjaan kursus jangka panjang / pendek	5,291,929	2,863,468	5,291,929	2,863,468
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	17 231,569	414,369	231,569	377,067
Susut nilai	3,170,837	3,038,553	2,903,439	2,733,885
Kerugian rosot nilai penghutang	82,562	920,016	(9,742)	2,740
Peruntukan manfaat kakitangan (GCR)	11 (601,513)	395,322	(601,513)	395,322
Peruntukan manfaat kesihatan kakitangan	11 23,208	14,585	23,208	14,585
Kerugian rosot nilai pelaburan subsidiari	-	-	-	61,880
Jumlah Perbelanjaan	41,369,974	40,539,912	37,194,627	33,589,404
(Kurangan) / Lebihan Pendapatan	(9,291,031)	12,718,020	(5,824,274)	18,684,033

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Nota	Kumpulan Wang Pinjaman kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Lebihan Terkumpul	Kerugian Terkumpul Subsidiari	Dana Rezab	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2021	800,000	100,000	110,557,718	-	2,796,408	114,254,126
Pelarasan	-	-	143,731	363,230	-	506,961
Lebihan / (Kurangan) Tahun Semasa	-	-	18,684,033	(6,329,246)	-	12,354,787
Baki Pada 31 Disember 2021	800,000	100,000	129,385,482	(5,966,016)	2,796,408	127,115,874
Baki Pada 1 Januari 2022	800,000	100,000	129,385,482	(5,966,016)	2,796,408	127,115,874
Pelarasan	-	-	2,796,408	(299,997)	(2,796,408)	(299,997)
Kurangan Tahun Semasa	-	-	(5,824,274)	(3,466,757)	-	(9,291,031)
Baki Pada 31 Disember 2022	800,000	100,000	126,357,616	(9,732,770)	-	117,524,846

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
Pernyataan Perubahan Ekuiti IKMa
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

	Nota	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Lebihan Terkumpul	Dana Rezab	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2021	800,000	100,000	110,557,718	2,796,408	114,254,126	
Pelarasan	-	-	143,731	-	143,731	
Lebihan Tahun Semasa	-	-	18,684,033	-	18,684,033	
Baki Pada 31 Disember 2021	800,000	100,000	129,385,482	2,796,408	133,081,890	
Baki Pada 1 Januari 2022	800,000	100,000	129,385,482	2,796,408	133,081,890	
Pelarasan	-	-	2,796,408	(2,796,408)	-	
Kurangan Tahun Semasa	-	-	(5,824,274)	-	(5,824,274)	
Baki Pada 31 Disember 2022	800,000	100,000	126,357,616	-	127,257,616	

Nota-nota berserta dengan pernyataan ini adalah sebahagian daripada pernyataan kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Nota	KUMPULAN		IKMa		
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM	
Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi					
(Kurangan) / Lebihan pendapatan	(9,291,031)	12,718,020	(5,824,274)	18,684,033	
Pelarasan:					
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3,170,837	3,038,553	2,903,439	2,733,885	
Hutang Lapuk	82,562	-	-	-	
Penyusutan Nilai Pelaburan Subsidiari	-	-	-	61,880	
Pendapatan kendalian sebelum perubahan modal kerja	(6,037,632)	15,756,573	(2,920,835)	21,479,798	
(Kenaikan) / Penurunan penghutang	(1,032,978)	302,323	(784,995)	(23,973,169)	
(Penurunan) / Kenaikan pemiutang	(4,154,615)	1,399,444	(6,034,666)	(245,960)	
Aliran tunai diperolehi daripada aktiviti operasi	(11,225,225)	17,458,340	(9,740,496)	(2,739,331)	
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan					
Perolehan aset tetap	(925,189)	(2,759,710)	(911,489)	(1,624,784)	
Jualan Aset Tetap	122,389	173,218	25	2,215	
Kerja Dalam Pelaksanaan	-	459,549	-	-	
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(802,800)	(2,126,943)	(911,464)	(1,622,569)	
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan					
Perbelanjaan daripada aktiviti pembiayaan Geran	(358,918)	(646,082)	(358,918)	(646,082)	
Terimaan Akaun Amanah	23,919	140,565	23,919	140,565	
Tunai Bersih daripada aktiviti pembiayaan	(334,999)	(505,517)	(334,999)	(505,517)	
Tambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(12,363,024)	14,825,880	(10,986,959)	(4,867,417)	
Baki awal tunai dan kesetaraan tunai	34,698,159	19,872,279	13,695,836	18,563,253	
Baki akhir tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	22,335,135	34,698,159	2,708,877	13,695,836	
Tunai Dan Kesetaraan Tunai					
Simpanan Tetap	4	500,000	4,959,698	-	4,900,000
Baki Tunai dan Bank	5	21,835,135	29,738,461	2,708,877	8,795,836
		22,335,135	34,698,159	2,708,877	13,695,836

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar
Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2022

Perkara	Bajet Diluluskan	Perbelanjaan Sebenar	Perbezaan Bajet Diluluskan dan Sebenar	
	2022 RM	2022 RM	2022 RM	Varian %
Hasil				
Terimaan dari Kumpulan				
Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK)	16,000,000	15,800,000	(200,000)	-1%
Terimaan kerajaan untuk emolumen	14,500,000	14,500,000	-	0%
Pendapatan bersih kewangan (Hibah Bank)	300,000	179,977	(120,023)	-40%
Yuran	750,000	462,335	(287,665)	-38%
Sewaan	350,000	83,450	(266,550)	-76%
Pelbagai terimaan	70,000	47,237	(22,763)	-33%
Jumlah Hasil	31,970,000	31,072,999	(897,001)	-3%
Perbelanjaan				
Kos kakitangan	14,500,000	15,126,969	626,969	4%
Perkhidmatan dan bekalan	11,407,504	13,931,414	2,523,910	22%
Perbelanjaan kursus dalam dan luar	4,181,521	5,291,929	1,110,408	27%
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	280,000	231,569	(48,431)	-17%
Perolehan aset mudah alih	1,600,975	1,624,784	23,809	1%
Jumlah Perbelanjaan	31,970,000	36,206,665	4,236,665	13%
Kurangan Hasil atas Perbelanjaan	-	(5,133,666)	(5,133,666)	

Penjelasan;

- 1) **Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPKd)** – IKMa tidak menerima penuh peruntukan KWAPKd pada tahun kewangan 2022 yang mana berbaki sebanyak RM200,000.
- 2) **Yuran** – merupakan antara hasil dalaman tertinggi namun masih lagi rendah kerana program baru sahaja bermula selepas era pandemik Covid-19
- 3) **Bekalan & Perkhidmatan** - melebihi 22% bebanding tahun 2021 disebabkan oleh beberapa faktor antaranya pembukaan cawangan baru dan peningkatan kos perjalanan kakitangan
- 4) **Perbelanjaan kursus dalam dan luar** – peningkatan 27% kerana IKMa mula memperkasakan program bersasar kepada koperasi seperti program CODE, keusahawanan, pelancongan dan peruncitan.

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2022

1. PENGENALAN

a) Maklumat Korporat

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah ditubuhkan pada tahun 1956 dan diperbadankan sebagai sebuah Badan Berkanun melalui Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968 [Akta A1589]. Semenjak dari penubuhan IKMa, segala perbelanjaan mengurus ditanggung dari dana Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPKd) di mana dana KWAPKd ini dijana daripada caruman 2% atas keuntungan bersih koperasi. Manakala perbelanjaan untuk pembangunan, dana diperolehi daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Namun begitu bermula pada tahun kewangan 2009, pihak kerajaan bersetuju menanggung perbelanjaan emolument kakitangan IKMa yang mana menjadikan sumber bajet mengurus IKMa dipecahkan kepada dua sumber kewangan iaitu bajet emolument ditanggung oleh kerajaan manakala perbelanjaan mengurus selain emolument termasuk perolehan aset tetap ditanggung oleh KWAPKd. Aktiviti utama IKMa adalah memberi latihan dalam bidang koperasi dengan menganjurkan kursus-kursus jangka pendek manakala kursus jangka panjang (Program Diploma dan Ijazah) dikendalikan oleh syarikat subsidiari MKM Global Holdings Sdn.Bhd. Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2022 telah diluluskan Lembaga IKMa melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas pada 20 November 2023.

b) Asas Perakaunan

Penyata Kewangan IKMa disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS-*Malaysian Public Sector Accounting Standard*) 2016 dan peruntukan Akta 437, Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan), 1968 pindaan 2019.

c) Polisi Perakaunan

Polisi perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan IKMa adalah selaras dengan yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN

a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian atas penjejasan. Susut nilai dibuat mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat hartanah, loji dan peralatan berkenaan. Bagi tanah pajakan kewangan susut nilai adalah berdasarkan kepada usia guna (*useful life*). Dasar untuk mengenal pasti dan mengukur kerugian penjejasan adalah dijelaskan di dalam Nota 2(b). Hartanah, loji dan peralatan akan diiktiraf setelah inbois pembekal direkod ke dalam sistem. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli bernilai RM1,000 dan ke atas diiktiraf sebagai aset manakala yang dibeli kurang daripada RM1,000 akan dikira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan. Namun begitu jika terdapat aset yang dibeli dengan harga kurang dari RM1,000 tetapi memerlukan penyelenggaraan berjadual maka hartanah, loji dan peralatan tersebut akan dikira sebagai aset tetap. Bagi perolehan tanah atau bangunan segala kos yang terlibat akan diiktirafkan sebagai kos hartanah, loji dan peralatan berdasarkan kepada jumlah sebenar yang dibayar pada tahun kewangan dan bukannya berdasarkan kepada kerja siap sepenuhnya. Pengiktirafan ini akan menyebabkan semua kerja-kerja dalam pembangunan akan dipersembahkan di dalam nota 6 Penyata Kedudukan Kewangan di bawah tajuk Hartanah, Loji dan Peralatan.

Kadar susut nilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Tanah Pajakan kewangan 99 tahun	Usia guna 99 tahun
Bangunan Pejabat	2%
Kenderaan	20%
Perabot Dan Kemasan	20%
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan/Kelengkapan Komputer	25%
Peralatan Pandang Dengar Dan Fotografi	15%
Peralatan/Kelengkapan Dapur	10%
Peralatan Komunikasi	20%
Kelengkapan Percetakan	15%
Peralatan/Perkakasan Elektrik	20%
Kelengkapan Bekerja	20%

b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

i. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

i. Aset Penjanaaan Tunai (Sambungan)

amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih merupakan nilai tertinggi diantara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

ii. Penjanaaan Bukan Tunai

Kumpulan akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset merupakan nilai tertinggi diantara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Bagi menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

ii. Penjanaaan Bukan Tunai (Sambungan)

yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

c) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan dalam bank serta simpanan tetap yang tidak disandarkan kepada sebarang jaminan.

d) Terimaan Peruntukan Pembangunan Sumber Manusia

Peruntukan yang diterima dari kerajaan melalui kementerian bagi membiayai program di atas, ditunjukkan sebagai peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan. Semua perbelanjaan akan dicaj ke dalam akaun tersebut dalam tempoh ianya berlaku. Bagi program Pembangunan Sumber Manusia, perbelanjaan yang melibatkan perolehan aset tetap akan dipermodalkan dan susut nilai akan dikira seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a).

e) Kumpulan Wang Amanah

Kumpulan Wang Amanah merupakan dana yang diterima daripada pihak ketiga untuk tujuan yang tertentu di mana dana tersebut akan digunakan bagi program-program yang dirancang. Antara program

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

e) Kumpulan Wang Amanah (Sambungan)

yang dilaksanakan melalui peruntukan Dana Amanah ini adalah seperti *Malaysian Technical Cooperation Programs (MTCP)*, penyelidikan dan tajaan biasiswa / pinjaman untuk pelajar jangka panjang (Program Diploma dan Ijazah) IKMa.

Gaji, upah, elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan, elaun lebih masa, imbuhan tahunan dan manfaat bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan IKMa.

f) Manfaat Kakitangan

i. Pelan Caruman Tetap

IKMa juga menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu skim sumbangan yang ditakrifkan. Skim sumbangan yang ditakrifkan ialah satu skim di mana IKMa membayar sumbangan yang ditetapkan tetapi tidak mempunyai tanggungjawab untuk membayar sumbangan yang lebih sekiranya dana ini tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan pekerja untuk tempoh semasa atau tempoh yang lalu. Sumbangan kepada skim sumbangan yang ditakrifkan akan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ianya dikaitkan.

ii. Peruntukan Manfaat Persaraan

Peruntukan manfaat persaraan kakitangan IKMa berdasarkan kepada MPSAS 25 dan MPSAS 30. Peruntukan yang dibuat pada tahun semasa kewangan adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan hari Gantian Cuti Rehat (GCR) maksimum setiap tahun sebanyak 15 hari sebagaimana pekeliiling dengan mengambilkira gaji asas kakitangan pada akhir tahun kewangan tersebut berdasarkan kepada asas akruan. Peruntukan ini dipersembahkan pada tajuk manfaat kakitangan pada Penyata Kedudukan Kewangan manakala peruntukan manfaat kakitangan pada Penyata Prestasi Kewangan. Bagi pembayaran pula, bayaran GCR dibayar selepas kakitangan bersara berdasarkan kepada jumlah bilangan hari GCR sebenar yang dikumpul sepanjang tempoh kakitangan berkhidmat berdasarkan kepada gaji asas terakhir kakitangan tersebut. Pada tahun 2022 kerajaan telah membenarkan kakitangan mengeluarkan simpanan GCR tertakluk kepada syarat tempoh bilangan GCR terkumpul melebihi 90 hari dan usia pemohon melebihi 45 tahun pada tarikh permohonan.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

f) Manfaat Kakitangan (Sambungan)

iii. Manfaat Kesihatan Kakitangan

Peruntukan manfaat kesihatan kakitangan adalah berdasarkan kepada MPSAS 25 dan MPSAS 30 yang mana peruntukan dibuat berdasarkan kepada 3% daripada jumlah pendapatan dalaman setahun. Manfaat kesihatan kakitangan ini adalah bagi pembiayaan kos-kos rawatan yang tidak ditanggung oleh pihak kerajaan seperti rawatan jantung dan dialisis kakitangan serta ahli keluarga kakitangan yang layak.

g) Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan

Pendapatan dan perbelanjaan IKMa diiktiraf atas dasar akruan kecuali terimaan dari kerajaan. Penyata Prestasi Kewangan yang disediakan hanya merangkumi transaksi Kumpulan Wang Pengurusan dan Kumpulan Wang Pembangunan sahaja. Transaksi bagi Kumpulan Wang Amanah dan Kumpulan Wang Pembangunan ditunjukkan secara kumulatif dalam nota 10 kepada Penyata Kewangan.

h) Peruntukan

Peruntukan dikenal pasti apabila terdapatnya kewajipan semasa, secara sah atau konstruktif, disebabkan oleh peristiwa yang telah berlaku, apabila berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merupakan sebahagian daripada manfaat ekonomi adalah perlu untuk menyempurnakan kewajipan tersebut, dan anggaran yang pasti bagi kewajipan tersebut dapat dibuat.

i) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan yang dibawa ke Penyata Kedudukan Kewangan termasuk wang tunai dan baki di bank, penghutang dan pemiutang. Ia dikenal pasti dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila IKMa merupakan satu pihak kepada peruntukan berkontrak bagi instrumen tersebut. Kaedah pengiktirafan yang digunakan didedahkan di dalam penyata polisi kewangan secara individu yang berkaitan dengan setiap item. Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut kandungan sebenar urusan kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang-pemegang instrumen kewangan dikelaskan sebagai ekuiti dan dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila IKMa mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi dan bertujuan untuk menyelesaikan sama ada atas asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

j) Pelaburan Dalam Subsidiari

Subsidiari adalah sebuah syarikat di mana kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti. Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai jika ada.

k) Cukai

IKMa merupakan sebuah agensi yang dikecualikan daripada cukai pendapatan mengikut subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan bersifat sementara pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diantara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai dibawa didalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan bersifat sementara yang boleh dikenakan cukai manakala aset cukai tertunda pula diiktiraf ke atas semua perbezaan bersifat sementara yang dibenarkan bagi maksud percukaian serta kerugian dan kredit cukai yang belum digunakan, sekiranya berkemungkinan terdapat keuntungan boleh dikenakan cukai sedia untuk digunakan ke atas perbezaan bersifat sementara yang dibenarkan, serta baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibbah atau muhibbah negatif yang terhasil.

l) Asas Penyatuan

Penyata Prestasi Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Prestasi Kewangan IKMa dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari adalah entiti di mana IKMa mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam Penyata Prestasi Kewangan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuat kuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuat kuasa mengikut kesesuaian. Aset dan liabiliti subsidiari diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilan dan nilai ini ditunjukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang disatukan. Perbezaan diantara kos

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

l) Asas Penyatuan (Sambungan)

pengambilalihan dan nilai saksama bahagian IKMa daripada aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan sebagai muhibbah ke atas penyatuan dan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia diambilalih atau rizab ke atas penyatuan dan tidak disusutnilaikan.

Transaksi di dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula. Kepentingan pemegang saham minoriti dinyatakan pada nisbah minoriti ke atas nilai saksama aset dan liabiliti yang diiktiraf, jika ada. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

m) Bajet Mengurus

Bajet mengurus tahunan IKMa yang diluluskan oleh Lembaga menggunakan kaedah asas tunai bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun. Sumber bajet mengurus IKMa ini terdiri daripada KWAPKd, Kerajaan Persekutuan melalui KUSKOP dan sumber dalaman IKMa. Bajet mengurus ini akan diperakukan di peringkat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan IKMa dan seterusnya diluluskan di Lembaga. Kelulusan ini akan dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa KWAPKd di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Namun begitu akan wujud perbezaan jumlah bajet yang diluluskan oleh Lembaga dengan kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa KWAPKd dan juga Kerajaan Persekutuan. Perbezaan ini akan dibuat pelarasan dan seterusnya akan dibawa kepada kelulusan YB Menteri bagi kebenaran menggunakan bajet tersebut pada tahun berikutnya sebagaimana peruntukan Akta IKMa.

n) Perbandingan Bajet Dengan Perbelanjaan Sebenar

Asas bagi penggunaan bajet mengurus IKMa yang diluluskan oleh Lembaga menggunakan kaedah asas tunai manakala perbelanjaan sebenar menggunakan kaedah akrual. Penggunaan bajet mengurus IKMa yang diluluskan hanya bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun manakala bagi perbelanjaan sebenar ia nya melangkaui tahun kewangan di mana peruntukan terakru akan dibuat bagi perbelanjaan yang telah diluluskan namun tidak sempat untuk dibuat pembayaran pada tahun semasa.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

n) Perbandingan Bajet Dengan Perbelanjaan Sebenar (Sambungan)

Peruntukan terakru ini akan direkod sebagai liabiliti semasa pada Penyata Kedudukan Kewangan. Terdapat perbezaan daripada segi masa kerana tempoh bajet yang disediakan berbeza dari tempoh kewangan ini disediakan manakala perbezaan entiti pula wujud disebabkan kerana bajet tidak mengambilkira program yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

o) Pihak Berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai individu atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi.

p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

i. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut;

1) Kerugian Rosot Nilai Bagi Belum Terima

Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

2) Perubahan Anggaran Jangka Hayat Bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 4 hingga 10 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberikan kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset yang pada masa hadapan akan disemak semula.

q) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama termasuk kos urusaniaga dan untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama ia menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

Kumpulan hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut;

i. Pinjaman Dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf didalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan merupakan untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh berkaitan. Kadar faedah berkesan ialah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa hadapan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

q) Liabiliti Kewangan (Sambungan)

ii. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar akan diiktiraf didalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

r) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga dan untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama ia menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisru aset kewangan. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan didalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kumpulan hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut;

i. Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima merupakan aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

ii. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk;

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

r) Aset Kewangan (Sambungan)

ii. Rosot Nilai Aset Kewangan (Sambungan)

1. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
2. Pembayaran tertunggak
3. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan didalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan. Jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta.

Akaun-akaun penghutang IKMa dinyatakan pada nilai boleh realis. Bermula tahun 2007, IKMa telah melaksanakan polisi baru berkenaan dengan kerugian rosot nilai ke atas penghutang yang mana polisi tersebut telah diluluskan oleh Lembaga dalam Mesyuarat Bil.1 Tahun 2008. Polisi kerugian rosot nilai yang diluluskan seperti yang dinyatakan di bawah:

- Hutang yang melebihi 1 tahun tetapi kurang 2 tahun akan diperuntukkan sebanyak 50%
- Hutang yang melebihi 2 tahun tetapi kurang 3 tahun akan diperuntukkan sebanyak 75%
- Hutang yang melebihi 3 tahun tetapi kurang 4 tahun akan diperuntukkan sebanyak 100%

Untuk kerugian rosot nilai yang melebihi tempoh 4 tahun jumlahnya akan dipindahkan kepada kerugian rosot nilai lapuk. Penghutang yang telah melebihi usia 5 tahun, yang gagal dikutip setelah segala usaha kutipan dijalankan akan dibawa ke Lembaga untuk diluluskan bagi proses hapuskira.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

r) Aset Kewangan (Sambungan)

iii. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta kumpulan telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

s) Muhibbah

Muhibbah wujud daripada penyatuan perniagaan dan pada awalnya diukur berdasarkan kos. Setelah pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur muhibbah yang didapati dalam penyatuan perniagaan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Pelunasan muhibbah diiktiraf di dalam Penyata Kewangan melalui kaedah garis lurus diatas jangkaan hayat selama 10 tahun berdasarkan nilai saksama jangkaan hayat tidak dapat dibuat.

t) Kerja Dalam Pelaksanaan (KDP)

Kerja dalam pelaksanaan adalah merupakan perbelanjaan yang dibuat kepada sesuatu projek / program yang masih belum diselesaikan melangkaui tempoh perakaunan semasa yang mana pembayaran dibuat mengikut kemajuan projek. Setelah projek / program tersebut selesai, perkara yang melibatkan aset tetap akan dibuat pelarasan kepada akaun aset tetap manakala yang melibatkan perbelanjaan akan dicajkan kepada akaun belanja. KDP IKMa merupakan bayaran premium tanah di Paya Lang, Mukim Triang Daerah Bera Pahang.

u) Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

Pendahuluan kepada syarikat subsidiari diluluskan oleh pihak Lembaga IKMa melalui mesyuarat lembaga IKMa bagi membantu pihak syarikat menguruskan perbelanjaan operasi dan perkara ini direkodkan sebagai Pendahuluan kepada syarikat subsidiari di bawah aset bukan semasa.

3. PENGHUTANG, PENDAHULUAN DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		IKMa	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Penghutang (a)	1,951,615	1,648,749	19,517	82,080
Penghutang Pinjaman Komputer (b)	25,514	39,504	25,514	39,504
Penghutang Pinjaman Kenderaan (b)	399,990	412,793	399,990	412,793
Pendahuluan;				
Kakitangan (Perjalanan) (c)	15,257	4,977	15,257	4,977
Kakitangan (Pelbagai) (c)	14,250	447	14,250	447
Deposit	758,184	407,916	758,184	407,916
	<u>3,164,810</u>	<u>2,514,386</u>	<u>1,232,712</u>	<u>947,717</u>

Terma penghutang, pendahuluan dan pertaruhan adalah seperti di bawah;

- Kredit bagi penghutang adalah di antara pembayaran pendahuluan kepada 90 hari.
- Penghutang Pinjaman Komputer dan Kenderaan meliputi kakitangan IKMa sahaja. Bayaran perkhidmatan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2000. Tempoh bayaran balik bagi kedua-dua jenis pinjaman adalah masing-masing tertakluk kepada maksimum empat dan sembilan tahun.
- Pendahuluan kepada kakitangan dan lain-lain tidak dikenakan faedah dengan tempoh bayaran balik dalam tiga tahun.

4. SIMPANAN TETAP

Kadar keuntungan pelaburan pada tahun kewangan adalah di antara 3.00% hingga 3.40% setahun. Tempoh matang simpanan tetap adalah di antara simpanan harian, mingguan 30 hari hingga 180 hari. Wang tunai sedia ada di bank boleh dikeluarkan jika perlu.

	KUMPULAN		IKMa	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Bank Berlesen	<u>500,000</u>	<u>4,959,698</u>	<u>-</u>	<u>4,900,000</u>

5. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	KUMPULAN		IKMa	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Tunai Dalam Tangan	19,050	9,381	19,050	9,381
Baki Di Bank	21,816,085	29,729,080	2,689,827	8,786,455
	<u>21,835,135</u>	<u>29,738,461</u>	<u>2,708,877</u>	<u>8,795,836</u>

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN- aset semasa 2022

Butir-Butir Aset	Kos Aset				Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih	
	Pada	Tambahan	Pelupusan / Pengklasifikasian	Pada	Pada	Tambahan	Pelupusan / Pengklasifikasian	Pada	Pada	Pada
	01.01.22	2022	2022	31.12.22	01.01.22	2022	2022	31.12.22	31.12.22	31.12.22
(1)	(2)	(3)	(4)	(2)+(3)-(4)=(5)	(6)	(7)	(8)	(6)+(7)-(8)=(9)	(5)-(9)=(10)	
RM										
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	136,802	-	(56,501)	80,301	23,526	8,834	(6,450)	25,910	54,391	
Perabot dan Kemas	248,976	5,400	-	254,376	53,327	63,594	-	116,921	137,455	
Peralatan/Kelengkapan Komputer	42,662	-	48,502	91,164	38,378	13,515	4,850	56,743	34,421	
Pengubahsuaian	370,654	8,300	-	378,954	108,981	113,686	-	222,667	156,287	
Jumlah	799,094	13,700	(7,999)	804,795	224,212	199,629	(1,600)	422,241	382,554	

Nota;

- 1) Hartanah, loji dan peralatan yang berjumlah RM382,554 merupakan aset subsidiari dan dinyatakan hanya pada peringkat kumpulan dibawah aset semasa.

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)

IKMa 2022

Butir-Butir Aset	Kos Aset			Susut Nilai Terkumpul			Nilai Bersih		
	Pada 01.01.22	Tambahan 2022	Pelupusan 2022	Pada 31.12.22	Pada 01.01.22	Tambahan 2022	Pelupusan 2022	Pada 31.12.22	
(1)	(2)	(3)	(4)	(2)+(3)+(4)=(5)	(6)	(7)	(8)	(5)-(9)=(10)	
RM									
Tanah Pajak dari KPTG	115,038,793	-	-	115,038,793	11,619,964	1,161,526	-	12,781,490	102,257,303
Bangunan Pejabat	13,736,799	-	-	13,736,799	2,753,238	272,159	-	3,025,397	10,711,402
Kenderaan	3,960,407	188,928	-	4,149,335	2,704,657	394,332	-	3,088,989	1,050,346
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	458,333	2,200	-	460,533	403,545	18,144	-	421,689	38,844
Perabot dan Kemasan	481,726	61,836	-	543,562	406,193	27,609	-	433,802	109,760
Peralatan/Kelengkapan Komputer	7,272,020	480,899	(25,940)	7,726,979	6,012,606	531,619	(25,929)	6,518,296	1,208,683
Peralatan/Perkakasan Elektrik	3,712,252	154,876	(25,900)	3,841,228	2,275,545	440,915	(25,891)	2,690,569	1,150,659
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	249,255	22,750	-	272,005	213,181	28,970	-	242,151	29,854
Peralatan Pandang Dengar dan Fotografi	452,573	-	(5,535)	447,038	328,452	25,442	(5,533)	348,361	98,677
Kelengkapan Bekerja	2,750	-	-	2,750	2,749	-	-	2,749	1
Peralatan/Kelengkapan Perotakan	53,100	-	-	53,100	46,533	1,485	-	48,018	5,082
Peralatan/Kelengkapan Dapur	56,157	-	-	56,157	49,379	1,238	-	50,617	5,540
Jumlah	145,474,165	911,489	(57,375)	146,328,279	28,816,042	2,903,439	(57,353)	29,662,128	116,666,151

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)
KUMPULAN 2021

Butir-Butir Aset	Kos Aset				Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih Pada				
	Pada 01.01.21	Tambahan 2021	Pelupusan 2021	Pelaksanaan 2021	Pada 31.12.21	Pada 01.01.21	Tambahan 2021	Pelupusan 2021	Pelaksanaan 2021	Pada 31.12.21	Dinyatakan semula	Pada 31.12.21	Dinyatakan semula
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(2)+(3)+(4)+(5)=(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(8)+(9)+(10)=(11)	(11)-(12)=(13)	(11)-(12)=(13)	
RM													
Tanah Pejakan dari KPTG	115,038,793	-	-	-	115,038,793	10,458,072	1,161,892	-	-	11,619,964	-	103,418,829	-
Bangunan Pejabat	13,736,799	-	-	-	13,736,799	2,478,503	274,736	-	-	2,753,239	-	10,983,560	-
Kenderaan	3,687,972	636,240	(363,805)	-	3,960,407	2,500,047	401,366	(192,802)	(3,955)	2,704,656	-	1,255,751	-
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	485,348	126,917	(29,480)	12,350	595,135	424,289	32,227	(29,444)	-	427,072	-	188,063	-
Perabot dan Kemasan	612,853	298,994	(10,974)	-	900,873	494,761	125,954	(10,969)	(206)	609,540	-	291,333	-
Peralatan/Kelengkapan Komputer	6,874,820	808,467	(161,885)	(2,600)	7,518,802	5,828,128	441,468	(161,840)	(2,605)	6,105,151	-	1,413,651	-
Peralatan/Perkakasan Elektrik	3,216,081	441,867	(61,895)	116,200	3,712,253	1,910,780	435,053	(59,778)	(10,521)	2,275,544	-	1,436,709	-
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	262,261	2,800	-	(15,806)	249,255	197,850	33,536	-	(18,205)	213,181	-	36,074	-
Peralatan Pandang Dengar dan Fotografi	411,723	73,771	(22,367)	(10,554)	452,573	340,754	20,604	(22,355)	(10,550)	328,453	-	124,120	-
Kelengkapan Bekerja	4,650	-	-	(1,900)	2,750	2,749	-	-	-	2,749	-	1	-
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	53,100	-	-	-	53,100	45,048	1,485	-	-	46,533	-	6,567	-
Peralatan/Kelengkapan Dapur	56,157	-	-	-	56,157	48,138	1,241	-	-	49,379	-	6,778	-
Pengubahsuaian	-	370,654	-	-	370,654	-	108,981	-	-	108,981	-	261,673	-
Jumlah (A)	144,440,557	2,759,710	(650,406)	97,690	146,647,551	24,729,119	3,038,553	(477,188)	(46,042)	27,244,442	(46,042)	119,403,109	(46,042)

7. KERJA DALAM PELAKSANAAN

	<u>KUMPULAN</u>		<u>IKM</u>	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari	1,807,403	2,266,952	1,658,060	1,658,060
Tambahan	-	149,343	-	-
Pelunasan	(149,343)	(608,892)	-	-
Baki pada 31 Disember	<u>1,658,060</u>	<u>1,807,403</u>	<u>1,658,060</u>	<u>1,658,060</u>

8. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI

	<u>IKMa</u>	
	2022	2021
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	25,711,436	1,811,436
Tambahan	500,000	23,900,000
Baki pada 31 Disember	<u>26,211,436</u>	<u>25,711,436</u>

Pendahuluan RM500,000 kepada syarikat subsidiari (UKKM Education Sdn Bhd) adalah bagi tujuan bantuan operasi syarikat sepanjang tahun kewangan 2022.

9. PEMIUTANG, LAIN-LAIN PEMIUTANG

	<u>KUMPULAN</u>		<u>IKMa</u>	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Pemiutang	5,597,949	3,718,251	-	350
Akaun Tabung Pelajar	233,363	233,364	233,363	233,364
Program Inkubator Sektor	998,500	998,500	998,500	998,500
Pinjaman belum lunas				
Peruntukan Perbelanjaan Terakru;				
Peruntukan Khas	383,871	5,218,984	383,871	5,218,984
Peruntukan Am	-	50,000	-	50,000
	<u>7,213,683</u>	<u>10,219,099</u>	<u>1,615,734</u>	<u>6,501,198</u>

Syarat hutang bagi pelbagai pemiutang adalah pembayaran kepada pemiutang dalam tempoh 14 hari berdasarkan kepada salinan dokumen tuntutan yang lengkap.

10. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH

	IKMa	
	2022 RM	2021 RM
a) Pembangunan		
Baki pada 1 Januari	16,597,590	16,876,722
Pelunasan Tahun Semasa	(297,354)	(279,132)
Baki Pada 31 Disember	16,300,236	16,597,590
b) Amanah		
Baki pada 1 Januari	1,011,198	1,237,583
Terimaan Tahun Semasa	23,919	140,565
Pelunasan Tahun Semasa	(61,564)	(366,950)
Baki Pada 31 Disember	973,553	1,011,198
Jumlah	17,273,789	17,608,788

Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
Pernyata Prestasi Kewangan Geran Pembangunan
Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2022

	IKMa	
	2022 RM	2021 RM
<u>Penyata Pendapatan</u>		
Geran pembangunan dilunaskan:	297,354	279,132
<u>Perbelanjaan</u>		
Belanja Program Penyelidikan dan Konsultasi	(59,980)	(29,199)
Susut nilai	(237,374)	(249,933)
Lebih tahun semasa (A)	-	-
<u>Geran Tertunda</u>		
Baki pada 1 Januari	16,597,590	16,876,722
Tambah:		
Geran pembangunan dilunaskan	(297,354)	(279,132)
Kurangan tahun semasa	(297,354)	(279,132)
Baki pada 31 Disember (B)	16,300,236	16,597,590
Jumlah Baki Kumpulan Wang Pembangunan (A + B)	16,300,236	16,597,590

10. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)

Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
 Penyata Prestasi Kewangan Geran Pembangunan Mengikut Projek
 Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2022

	IKMa	
	2022 RM	2021 RM
a) Bangunan MKM PJ		
Baki pada 1 Januari	13,917,125	14,154,054
Geran Pembangunan Dilunaskan	<u>(236,925)</u>	<u>(236,929)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>13,680,200</u>	<u>13,917,125</u>
b) Program Pembangunan Sumber Manusia		
Baki pada 31 Disember	<u>40,797</u>	<u>40,797</u>
c) Program Penyelidikan dan Konsultasi		
Baki pada 1 Januari	1,999,400	2,028,599
Geran Pembangunan Dilunaskan	<u>(59,980)</u>	<u>(29,199)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>1,939,420</u>	<u>1,999,400</u>
d) Pengurusan ICT		
Baki pada 1 Januari	597,833	610,837
Geran Pembangunan Dilunaskan	<u>(449)</u>	<u>(13,004)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>597,384</u>	<u>597,833</u>
e) Program Pembangunan Koperasi		
Baki pada 1 Januari / 31 Disember	<u>42,435</u>	<u>42,435</u>
Jumlah	<u>16,300,236</u>	<u>16,597,590</u>

10. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)

Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
Penyata Prestasi Kewangan Geran Amanah
Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2022

	MKMa	
	2022 RM	2021 RM
Baki pada 1 Januari	1,011,198	1,237,583
Tambah:		
Terimaan Tahun Semasa	23,919	140,565
Perbelanjaan Tahun Semasa	(61,564)	(366,950)
Kurangan Tahun Semasa	(37,645)	(226,385)
Baki pada 31 Disember	973,553	1,011,198

10. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)

Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
Penyata Prestasi Kewangan Geran Amanah Mengikut Projek
Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2022 (Sambungan)

	IKMa	
	2022 RM	2021 RM
a) Program MTCP		
Baki pada 1 Januari	61,564	8,134
Terimaan Tahun Semasa	-	72,080
Perbelanjaan Tahun Semasa	(61,564)	(18,650)
Baki pada 31 Disember	-	61,564
b) Akaun Pelajar		
Baki pada 31 Disember	104,296	104,296
c) Akaun Pinjaman i-MKM		
Baki pada 1 Januari	674,834	606,349
Terimaan Bayaran Balik Biasiswa	17,986	63,922
Lain - lain Terimaan	5,934	4,563
Baki pada 31 Disember	698,753	674,834
d) Perasmian Kolej Icoop		
Baki pada 1 Januari	-	300,000
Perbelanjaan Tahun semasa	-	(300,000)
Baki pada 31 Disember	-	-
e) Program Keusahawanan Koperasi (PENJANA)		
Baki pada 1 Januari	170,504	218,804
Perbelanjaan Tahun semasa	-	(48,300)
Baki pada 31 Disember	170,504	170,504
Jumlah	973,553	1,011,198

11. MANFAAT PEKERJA

	IKMa	
	2022	2021
	RM	RM
a) Peruntukkan Manfaat Persaraan GCR		
Peruntukan tidak melebihi tempoh 12 bulan	181,233	458,982
Peruntukan melebihi tempoh 12 bulan	1,631,094	2,473,404
Baki Pada 31 Disember	1,812,327	2,932,386
b) Peruntukkan Manfaat Kesihatan Kakitangan		
Peruntukan tidak melebihi tempoh 12 bulan	51,777	50,000
Peruntukan melebihi tempoh 12 bulan	465,993	496,910
Baki Pada 31 Disember	517,770	546,910
Jumlah	2,330,097	3,479,296
Peruntukan tidak melebihi tempoh 12 bulan	233,010	508,982
Peruntukan melebihi tempoh 12 bulan	2,097,087	2,970,314
	2,330,097	3,479,296

* Anggaran 10% daripada peruntukan GCR kakitangan & manfaat kesihatan akan dibayar kepada kakitangan yang layak pada tahun semasa

Penyata Kedudukan Manfaat Pekerja

	IKMa	
	2022	2021
	RM	RM
a) Peruntukkan Manfaat Persaraan GCR		
Baki pada 1 Januari	2,932,386	2,540,295
Peruntukkan Tahun Semasa	(601,513)	395,322
Pelunasan Tahun Semasa	(518,546)	(3,231)
Baki Pada 31 Disember	1,812,327	2,932,386
b) Peruntukkan Manfaat Kesihatan Kakitangan		
Baki pada 1 Januari	546,910	532,325
Peruntukkan Tahun Semasa	23,208	14,585
Pelunasan Tahun Semasa	(52,348)	-
Baki Pada 31 Disember	517,770	546,910
Jumlah	2,330,097	3,479,296

12. DANA REZAB

	IKMa	
	2022	2021
	RM	RM
Baki Pada 1 Januari	2,796,408	2,796,408
Peruntukkan Tahun Semasa	-	-
Pelunasan tahun semasa	(2,796,408)	-
Baki Pada 31 Disember	-	2,796,408

Ahli Lembaga Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Pembangunan IKMa BII.1.2023 telah bersetuju bagi peruntukan Dana Rezag Berakhir pada 31 Disember 2022 dibuat pelarasan pelunasan memandangkan dana tersebut digunakan bagi menampung kekurangan peruntukan mengurus tahun semasa.

13. YURAN, KHIDMAT NASIHAT, KONVOKESYEN

	KUMPULAN		IKMa	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Konvokesyen	1,440	-	-	-
Khidmat Nasihat	27,000	-	-	-
Yuran (Jangka Panjang)	-	142,918	-	-
Yuran (Jangka Pendek)	462,335	127,495	462,335	127,495
	490,775	270,413	462,335	127,495

14. PELBAGAI TERIMAAN

	KUMPULAN		IKMa	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Penerimaan	712,874	891,048	32,724	49,471
Jualan Bahan Bercetak	3,429	480	3,429	480
Bayaran perkhidmatan pinjaman Kenderaan & Komputer	11,084	9,616	11,084	9,616
	727,387	901,144	47,237	59,567

15. KOS KAKITANGAN

	KUMPULAN		IKMa	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Gaji dan Emolumen:				
Gaji dan upah	10,932,861	11,451,266	10,140,411	9,832,680
Elaun Tetap	2,817,453	2,595,749	2,727,211	2,585,191
Elaun Lebih Masa	125,613	36,357	125,613	36,357
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	455,382	520,098	376,596	265,086
Skim Sumbangan Ditakrifkan:				
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	1,757,138	1,617,021	1,757,138	1,617,021
	<u>16,088,447</u>	<u>16,220,491</u>	<u>15,126,969</u>	<u>14,336,335</u>
 Bilangan kakitangan pada akhir tahun (orang)	<u>224</u>	<u>226</u>	<u>205</u>	<u>205</u>

16. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	KUMPULAN		IKMa	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	1,449,293	503,414	1,437,389	462,032
Pengangkutan Barangan	22,130	3,240	22,130	3,240
Perhubungan dan Utiliti	2,090,053	1,110,059	1,095,225	742,083
Sewaan	2,699,719	4,005,461	2,163,766	1,854,206
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	40,675	37,926	40,675	37,926
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	290,322	64,358	290,322	64,358
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	534,525	468,853	534,525	468,853
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	2,711,178	2,726,177	2,207,368	2,323,453
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Dibeli dan Hospitaliti	6,377,388	6,818,772	6,377,388	6,818,772
Perbelanjaan Geran Pembangunan	59,980	29,199	59,980	29,199
Belanja Pentadbiran	807,672	905,649	-	-
	<u>17,082,935</u>	<u>16,673,108</u>	<u>14,228,768</u>	<u>12,804,122</u>

17. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

	<u>KUMPULAN</u>		<u>IKM</u>	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Pemberian Dalam Negeri	9,651	13,738	9,651	13,738
Cukai tanah, cukai pintu premium dll	221,918	313,932	221,918	276,630
Nilai Semasa Aliran Tunai Masa Hadapan				
Pinjaman Qardhul Hasan	-	86,699	-	86,699
	<u>231,569</u>	<u>414,369</u>	<u>231,569</u>	<u>377,067</u>

18. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

a) IKMa mempunyai Syarikat Subsidiari dan pegangan saham di dalamnya adalah seperti berikut;

Nama Syarikat	Kepentingan Ekuiti		Kegiatan Utama
	2022	2021	
MKM GLOBAL HOLDING SDN. BHD	100%	100%	Perkhidmatan latihan dan pengurusan program pendidikan

b) MKM Global Holdings Sdn Bhd mempunyai pegangan saham 100% di dalam syarikat berikut;

Nama Syarikat	Kepentingan Ekuiti		Kegiatan Utama
	2022	2021	
MKMGH Edu Sdn Bhd	100%	100%	Latihan dan pendidikan
MKMGH Skills Sdn Bhd	100%	100%	Latihan dan pendidikan
UKKM Education Sdn Bhd	100%	100%	Latihan dan pendidikan

18. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (Sambungan)

- c) Pelaburan dalam subsidiari berjumlah RM10,075,000 telah dirosot nilaikan berjumlah RM10,075,000. Maklumat pelaburan dan rosot nilai dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut;

PERKARA	RM
(A) PELABURAN:	
TAHUN 2013	2,000,000
TAHUN 2015	1,000,000
TAHUN 2016	500,000
TAHUN 2018	2,500,000
TAHUN 2020	4,075,000
JUMLAH PELABURAN	10,075,000
(B) ROSOT NILAI:	
TAHUN 2017	2,724,533
TAHUN 2018	3,275,467
TAHUN 2020	4,013,120
TAHUN 2021	61,880
JUMLAH ROSOT NILAI	10,075,000
(A) - (B) BAKI PELABURAN DALAM SUBSIDIARI	-

19. PENDEDAHAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga Pengarah IKMa adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam merangka dan mengawal dasar ke atas semua aktiviti Kumpulan dan IKMa manakala pengurusan tertinggi terdiri daripada Ketua Pengarah dan Timbalan yang merupakan penggerak utama dalam memastikan setiap dasar atau aktiviti yang dirangka dapat dilaksanakan. Ganjaran kepada Lembaga Pengarah IKMa dan Pengurusan Tertinggi IKMa adalah seperti berikut;

	IKMa	
	2022 RM	2021 RM
Lembaga Pengarah IKMa	627,377	559,909
Pengurusan Tertinggi IKMa	557,183	409,540
	1,184,560	969,449

20. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Objektif dan Polisi Risiko Pengurusan Kewangan

Kegiatan IKMa terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan memaksimumkan pulangan kepada IKMa.

(b) Risiko Kewangan

Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui penyemakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan kewangan. Ahli Lembaga sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit, atau risiko pihak ketiga gagal membayar, dikawal dengan penerapan tatacara kelulusan kredit, had dan pengawasan yang ketat. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi secara ketat dengan menghadkan kerjasama IKMa dengan rakan perniagaan yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Penghutang diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan IKMa. IKMa tidak mempunyai pendedahan yang besar terhadap mana-mana pelanggan individu atau pihak ketiga mahupun sebarang penumpuan besar bagi risiko kredit yang berkaitan dengan sebarang instrumen kewangan.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

IKMa mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan. Profil kematangan liabiliti kewangan IKMa pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak seperti jadual di bawah ;

	KUMPULAN		IKMa	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
Kurang 12 Bulan:				
Pelbagai Pemiutang	5,597,950	3,718,251	-	350
Lain-lain yang belum dibayar	1,615,734	6,500,848	1,605,734	6,500,848
Jumlah	7,213,684	10,219,099	1,605,734	6,501,198

20. INSTRUMEN KEWANGAN (Sambungan)

(e) Risiko Kadar Hibah

Kumpulan dan IKMa meminimumkan pendedahan kepada risiko kadar hibah ke atas penempatan deposit tetapnya dengan tidak berurusniaga dalam mana-mana pertukaran kadar hibah.

Pendedahan Kepada Risiko Kadar Faedah;

Profil kadar hibah instrumen kewangan menanggung faedah ketara Kumpulan dan IKMa, berdasarkan jumlah dibawa pada akhir tempoh pelaporan adalah:

<u>KUMPULAN</u>		<u>IKMa</u>	
2022	2021	2022	2021
RM	RM	RM	RM

Instrumen Kadar Tetap

Aset Kewangan:

Deposit Dengan Bank

Berlesen 500,000 4,959,698 - 4,900,000

Pendedahan Kepada Risiko Kadar Faedah;

Analisis Kepekakaan Nilai Saksama Bagi Instrumen Kadar Tetap :

IKMa tidak mengambil kira bagi sebarang aset dan liabiliti kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui penyata pendapatan dan perbelanjaan. Oleh itu, perubahan dalam kadar hibah pada akhir tempoh tidak akan menjejaskan penyata pendapatan dan perbelanjaan

Maklumat berkenaan perubahan dalam kadar hibah pada akhir tahun adalah seperti berikut ;

<u>2022</u>		<u>2021</u>	
Kadar Hibah Berkesan	Dalam Tempoh 1 Tahun	Kadar Hibah Berkesan	Dalam Tempoh 1 Tahun
%	RM	%	RM

Instrumen

Kadar Tetap

Aset Kewangan:

Deposit Dengan

Bank Berlesen - - 3.40 4,900,000

20. INSTRUMEN KEWANGAN (Sambungan)

(f) Nilai Saksama

Pada pandangan Ahli Lembaga, tiada perbezaan penting antara nilai saksama dengan nilai buku bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan oleh sebab tempoh matang jangka pendek instrumen kewangan tersebut.

21. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian angka-angka bandingan telah diklasifikasikan semula bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun kewangan semasa.

Persembahan item-item yang dinyatakan semula seperti berikut;

a) Perkara pada nota 6 aset kumpulan:

Perkara	Pada 31 Disember 2021	Dinyatakan semula
Pengubahsuaian (kos)	RM370,654	RM519,977
Perabot dan Kemasan (susut nilai terkumpul)	RM609,540	RM602,350
Peralatan / Kelengkapan Komputer (susut nilai terkumpul)	RM6,105,151	RM6,112,335



PROSPEK MASA HADAPAN

PROSPEK MASA HADAPAN

1. Pelan Strategik IKMa 2023-2025

Pembangunan Pelan Strategik IKMa telah bermula pada tahun 2022 dan dibangunkan bagi tempoh 2023 hingga 2025. Tujuannya adalah untuk membantu IKMa mencapai visinya menjadi pusat latihan koperasi bertaraf dunia. Pelan ini merangkumi panduan dan arah tuju kepada pengurusan bagi tujuan berikut:

- Menyediakan garis panduan untuk penambahbaikan berterusan
- Menyediakan panduan untuk membuat keputusan
- Membangun dan memperkasa kualiti modal insan IKMa; dan
- Menjadi pengukuran untuk mengawal dan menilai prestasi IKMa

Pelan ini adalah “blue print” bagi IKMa untuk melaksanakan program, projek dan inisiatif bagi mencapai visi untuk tempoh 3 tahun (2023-2025). Pelan ini akan dikaji semula setiap tahun bagi mengambil kira perubahan kepada persekitaran dalaman dan luaran serta perubahan kepada kehendak stakeholder dan pelanggan.



Tujuh (7) teras strategik telah dibangunkan dalam pelan strategik IKMa yang mana setiap satunya memfokuskan kepada aspek-aspek yang telah dikenal pasti sebagai elemen penting dalam konteks keperluan utama IKMa sebagai institusi latihan dan pendidikan kepada gerakan koperasi. Tujuh teras strategik yang dibangunkan adalah seperti dibawah;

- TS 1 – Memperkasa Program Latihan dan Pembelajaran yang Inovatif dan Berkesan
- TS 2 – Memantap Khidmat Bimbingan dan Perundingan yang Menjana Hasil
- TS 3 – Memperkasa Aktiviti Penyelidikan & Pengembangan Ilmu yang Strategik
- TS 4 – Melonjak Imej dan Jenama
- TS 5 – Memperkukuhkan Rangkaian Strategik
- TS 6 – Mempertingkatkan Kepakaran dan Kapasiti
- TS 7 – Memperkukuh Sistem Pengurusan dan Budaya Kerja

Teras strategik adalah sebahagian daripada perancangan utama organisasi dan dijadikan panduan dalam pelaksanaan pelan strategik IKMa. Setiap satu daripada teras-teras tersebut berkait antara satu sama lain. Walaupun setiap teras merujuk kepada dimensi berlainan tetapi kesemuanya adalah saling berkaitan bagi mencapai matlamat organisasi.

2. Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia 2024-2030

Penghasilan Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia (PIPSM) IKMa ini adalah berpandukan sumber utama daripada Pelan Strategik Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Tahun 2023-2026 dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Perancangan pembangunan PIPSM bermula pada tahun 2022 seurus selepas Pelan Strategik IKMa dilancarkan bagi memastikan objektif dan alternatif PIPSM mencapai visi dan misi IKMa.



Bagi memastikan pengurusan dan pembangunan sumber manusia adalah selaras dan menyokong pencapaian hala tuju IKMa, maka Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia digubal dengan menetapkan visi dan misi pengurusan sumber manusia yang ingin dicapai. Pelan ini juga mengambil kira isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan sumber manusia masa kini serta harapan pemegang taruh dan warga kerja IKMa. Antara isu yang diberi tumpuan dalam pelan ini adalah pengambilan dan penempatan, perancangan sumber manusia setiap warga kerja, pembangunan organisasi, perhubungan majikan dengan pekerja dan sistem maklumat dalaman yang berkesan.

Hasrat Institut Koperasi Malaysia demi pembangunan kompetensi pegawai diterjemahkan melalui Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia (PIPSM) 2024-2030 sebagai salah satu komponen ke arah menjadikan IKMa sebagai pusat kecemerlangan pembangunan modal insan koperasi yang unggul. Melalui Pelan ini, IKMa berhasrat meningkatkan kompetensi pegawai dengan memenuhi keperluan perancangan kompetensi sumber manusia IKMa, berbentuk progresif dan dinamik. Oleh itu, pembentukan Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia (PIPSM) yang mempunyai empat (4) teras strategik merupakan landasan yang tepat dalam merangka hala tuju IKMa pada masa hadapan.

Beberapa bengkel dijangka dilaksanakan bagi pembentuk PIPSM dengan melantik jawatankuasa meliputi bahagian akademik dan pengurusan. Pelancaran PIPSM akan dilaksanakan pada Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti IKMa 2023. Tuntasnya, pembentukan PIPSM memberi gambaran bahawa IKMa bukan sahaja mementingkan pembangunan gerakan koperasi tetapi pembangunan kakitangan dalaman sebagai tulang belakang perlu diambil perhatian yang lebih utama.

3. Pelan Strategik Pendigitalan IKMa 2023-2025


Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Institut Koperasi Malaysia (IKMa) merupakan pelan yang dibangunkan untuk menyokong Pelan Strategik Organisasi agar perancangan dan pembangunan ICT selari dengan perancangan dan pelaksanaan program yang dirancang oleh IKMa. IKMa mempunyai peranan yang besar dalam menyahut cabaran mempertingkatkan daya saing dan daya tahan negara berikutan perubahan persekitaran ekonomi dalam negara khususnya dalam gerakan koperasi.

Selain memberi tumpuan untuk mempertingkatkan prestasi dan kemampuan koperasi ke tahap yang lebih cemerlang, IKMa perlu memberi tumpuan kepada usaha untuk menyediakan kemudahan sistem dan perkhidmatan berkualiti tinggi melalui sistem yang cekap dan berkesan untuk memenuhi kehendak pelanggan yang kian meningkat. Bagi mencapai tujuan ini, IKMa berusaha untuk memantapkan

perancangan pendigitalan bagi memastikan pelaksanaannya adalah selaras dengan visi IKMa untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkualiti.

Sehubungan itu, IKMa telah mengambil langkah ke arah membangunkan PSP 2023-2025 bagi menyediakan satu pelan induk pendigitalan yang akan memastikan perancangan dan pelaksanaan ICT adalah selaras dengan keperluan strategi bisnes IKMa dan memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Pada masa yang sama, pelan ini juga memastikan bahawa ianya menyokong visi pendigitalan Sektor Awam.

4. Penempatan Semula Pejabat IKMa



IKMa sebagai badan penggerak menerajui latihan kepada anggota koperasi di Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan mengatur pelbagai program dalam dan luar negara secara sistematik.

Berikutan perkembangan pembangunan modal insan koperasi, IKMa juga turut berkembang dari segi penyampaian khidmat latihan kepada koperasi. Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan kepada gerakan koperasi dan masyarakat dengan lebih meluas dan optimum, Pengurusan IKMa mencadangkan Pejabat Zon Tengah akan berpindah ke lokasi baharu iaitu di alamat seperti berikut:

**Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah
E1-06-03A Tamarind Square,
Persiaran Multimedia,
Cyber 10, 63000
Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.**

Hasrat IKMa untuk menjadi pusat kecemerlangan modal insan koperasi yang unggul dapat dicapai dengan pelebaran sayap IKMa di Cyberjaya.

5. Penyertaan Anugerah Integriti, Governans Dan Anti Rasuah (AIGA) 2023

Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) merupakan anugerah peringkat kebangsaan yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang telah menunjukkan iltizam dalam membudaya dan mengamalkan integriti, anti rasuah dan tadbir urus terbaik. Penganugerahan ini dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) sejak tahun 2020.

Penyertaan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dalam AIGA 2023 dapat menjadi penanda aras (benchmark) dalam membudayakan integriti, tadbir urus terbaik dan anti rasuah di IKMa. Selain itu, penyertaan ini diharap mampu meransang keupayaan, kesungguhan dan komitmen IKMa dalam melaksanakan sistem kawalan dalaman berhubung pengurusan integriti dan usaha-usaha membanteras gejala rasuah.

Melalui AIGA juga, IKMa berpeluang untuk menilai tahap kekuatan dan kelemahannya di dalam aspek pengurusan integriti, anti rasuah dan tadbir urus. Seterusnya akan membolehkan IKMa mengambil langkah-langkah penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan mekanisme pengurusan integriti dan tadbir urus di dalam organisasinya.



6. Pertandingan Debat Koperasi Peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT Piala Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi 2023)

Salah satu usaha mempelbagaikan aktiviti yang melibatkan golongan belia, IKMa akan menganjurkan Pertandingan Debat Koperasi Peringkat IPT dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM). Pertandingan ini merupakan serampang dua mata iaitu untuk memperkenalkan IKMa dan menarik minat penglibatan golongan belia dalam koperasi. Melalui pertandingan debat IPT ini, diharapkan kita dapat mencungkil bakat dan pandangan mereka bagi membangun dan memperkasakan koperasi di Malaysia.

Cadangan penganjuran debat ini merupakan rentetan daripada penganjuran Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah peringkat kebangsaan dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) pada 2022. Pada 2023 ini, IKMa mencadangkan idea berkoperasi ini dicungkil pula dalam kalangan belia peringkat yang lebih tinggi iaitu dari Institut Pengajian Tinggi. Pertandingan ini dibuka kepada pasukan debat daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan dijangkakan akan diadakan pada suku ke-4 2023 di Ibu Pejabat Institut Koperasi Malaysia.



7. Seminar Koperasi Peringkat Antarabangsa 2023

Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi (CIC) IKMa turut memainkan peranan yang aktif dalam perkongsian amalan baik dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi diperingkat antarabangsa. Sehubungan itu, satu program seminar 2023 di peringkat antarabangsa yang bertemakan “Kepimpinan Digital dalam Koperasi” telah dirangka oleh pusat CIC dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Seminar ini menjadi platform perkongsian amalan terbaik koperasi daripada pelbagai negara dan daripada pelbagai perspektif.

Secara dasarnya, seminar ini merupakan kesinambungan daripada seminar penyelidikan antarabangsa secara dalam talian antara IKMa dengan Polytechnic University of Philippines (PUP) pada 26-27 Oktober 2022. Program ini mendapat sambutan yang memberangsangkan yang mana jumlah keseluruhan bilangan peserta adalah seramai 553 orang yang terdiri daripada ahli akademik, koperator, pemegang taruh koperasi

dan pelajar universiti peringkat antarabangsa. Diharapkan, program seminar 2023 akan menjadi pemacu kecemerlangan gerakan koperasi dalam pembangunan sosio ekonomi sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa.

8. Kursus Wajib PLUS (Program Lanjutan Tadbir Urus Lembaga Koperasi)

IKMa dalam proses membangunkan modul Latihan yang lengkap dan bersepadu mengikut keperluan semasa gerakan koperasi bagi mendukung aspirasi pembelajaran berterusan bagi ALK dan pengurusan kanan koperasi agar mereka mampu menguruskan koperasi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran semasa yang diperlukan. Kursus ini juga dibangunkan bagi menyusun semula 'road-map' latihan dan kemahiran asas yang perlu dikuasai ALK dan pengurusan kanan koperasi sesuai dengan konsep pembelajaran berterusan. Modul Wajib PLUS yang akan dibangunkan merangkumi empat aspek utama iaitu:

- i. Pengurusan & Pentadbiran Koperasi
- ii. Pengurusan Kewangan Koperasi
- iii. Pengurusan Strategik
- iv. Teknologi Maklumat

WAJIB PLUS

01

A. Pengurusan & Pentadbiran Koperasi

1. Perundangan Koperasi
2. Kepimpinan Strategik
3. Pengukuhan Integriti Dalam Tadbir Urus Koperasi

02

B. Pengurusan Kewangan Koperasi

1. Analisis Penyata Kewangan Untuk Pembuatan Keputusan
2. Pengurusan Risiko

03

C. Pengurusan Strategik

- | | |
|----------------------------------|--|
| 1. Pengurusan Sumber Manusia | 3. Pengurusan Projek Koperasi Secara Efektif |
| 2. Kanvas Modal Perniagaan (BMC) | 4. Strategi Pemasaran Efektif |

04

D. Teknologi Maklumat

1. Analitik & Data Raya
2. Pembangunan & Pengurusan ICT

GRADUATE BUSINESS SCHOOL

All postgraduate programmes are managed by the Graduate Business School, supported by other schools within the University. An oversight committee known as the Postgraduate Committee leads the School. This Committee provides leadership and guidance on all aspects relating to the quality of both programmes and students.

Follow us on our social media:



ukkmofficial



MBA

COOPERATIVE MANAGEMENT

(MQA/PA 16338)

APPLICATION

Applications can be made online via

cms.ukkm.edu.my/apply/



CONTACT US

Phone +6012-3871257 (Prof. Haizam)

Address 103, Jalan Templer, PJS 7, Petaling Jaya, Selangor

E-Mail info@ukkm.edu.my

EXCELLENCE COOPERATIVE MINDSET

www.ukkm.edu.my

WHY UKKM?

Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) is a private university in Malaysia. The University was established on 28th March 2022 under the Private Higher Educational Institutions Act 1996 (Act 555). The University is the first Malaysian institution specializing in Cooperative Entrepreneurship and Management Studies. It strives to be a leader in transforming and producing more professionals in the cooperative sector.

COURSE OVERVIEW

The Graduate Business School of UKKM now offers MBA programme specializing in Cooperative Management. Our MBA programme is designed to advance managerial skills and develop their potential to be able to manage organisations effectively in this dynamic and complex environment. Ultimately, it is aimed at cultivating a range of skills and expertise required for higher managerial positions and enhance their career prospect. Graduates are required to complete a total of 46 credit hours. The programme's curriculum structure consists of ten (10) core courses, including one (1) research methodology, one (1) project paper and three (3) specialisation courses.

LIST OF COURSES

- Marketing Strategies for Cooperative Managers
- Strategic Entrepreneurship for Business
- Innovation and Technology Management
- Organisational Behaviour and Corporate Leadership
- Managing Strategic Human Resource
- Cooperative Development and Policies
- Accounting for Cooperative Managers
- Business Analytics for Cooperative Management
- Business Process Management
- Designing Cooperative Business Plan
- Business Research Methods and Application
- Economics for Business Decision Making
- Seminar in Contemporary Issues in Cooperative
- Master Project Paper

STUDY MODES

The programme available in both full time and part time.
Full time: Minimum period of study - 1 Year 6 Months
Part time: Minimum period of study - 2 Years 6 Months (Malaysian Only)

ENTRY REQUIREMENTS

- A Bachelor's degree in Cooperative Management and any related fields with a minimum CGPA of 2.50; or
- A Bachelor's degree in related fields with a minimum CGPA below 2.50 can be accepted, subject to a rigorous internal assessment; or
- A Bachelor's degree in non-related fields with a minimum CGPA of 2.00 and with relevant working experience, subject to a rigorous internal assessment; or
- A Bachelor's degree in non-related fields with a minimum CGPA of 2.00 and without relevant working experience, subject to passing pre-requisite courses; or
- Other equivalent/related qualifications to a Bachelor's degree recognised by the Malaysian Government

LECTURE HOURS

Weekend (9.00 am to 6.00 pm) (Tentative)
Weekdays (Tuesday - Friday) 6.00 pm to 9.00 pm

CAREER PROSPECT

- Chief Executive Officer
- Senior Cooperative Manager
- Cooperative Consultant
- Academician
- Business Analyst
- Cooperative Entrepreneur



NOTA



Institut Koperasi Malaysia
103 Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya, Selangor
Phone : 603.7964.9000
Fax : 603.7957.0434
Email : ikma@ikma.edu.my